


Jilid IV
Bil. 41



Hari Selasa
8hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives


PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

**Jilid IV
Bil. 41**



**Hari Selasa
8hb November, 1994**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6773]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 6807]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 6807]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1999

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,
D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun–Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BENARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN, (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAIJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

Yang Berhormat DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

- „ **TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).**
- „ **WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).**
- „ **WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).**
- „ **TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).**
- „ **WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).**
- „ **TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).**
- „ **DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).**
- „ **TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).**
- „ **TUAN WONG WING ON (Kampar).**
- „ **TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).**
- „ **TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).**
- „ **TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).**
- „ **TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).**
- „ **TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.
- Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kelsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

- Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 8 November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Ong Tin Kim.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ong Tin Kim
tidak hadir).*

WANG CARUMAN KWSP —
LANGKAH MENGATASI
PENYELEWENGAN

2. Cik Siti Zainabon binti Abu Bakar
minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah masih terdapat penyelewengan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- (b) apakah kementerian sedar bahawa hampir 80% para majikan tidak mencarum untuk pekerja-pekerja mereka sedangkan gaji bulanan tetap dipotong dan dijadikan pendapatan mereka;
- (c) mengapakah KWSP tidak menggunakan insentif lain untuk

mengesan para majikan tersebut selain bergantung kepada pekerja yang membuat aduan di pejabat KWSP; dan

- (d) di manakah keberkesanan sistem KWSP untuk menjaga caruman dalam hal ini dan kenapakah pihak KWSP mengambil masa yang panjang (3 bulan) untuk membuat siasatan setelah menerima laporan daripada pekerja.

**Timbalan Menteri Kewangan
(Dato' Mustapa bin Mohamed):** Tuan
Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini terdapat dua jenis penyelewengan yang dikesan di KWSP;
- (i) penyelewengan pengeluaran caruman bagi tujuan perumahan; dan
- (ii) majikan gagal membayar caruman pekerja.

Mengenai penyelewengan pengeluaran caruman perumahan, perkara ini pernah dikesan pada tahun 1986 dan 1987. Walau bagaimanapun, sejak KWSP memperketatkan peraturannya pada tahun 1988 penyelewengan ini telah dapat diatasi sepenuhnya. Mengenai majikan

yang gagal membayar caruman pekerja, perkara ini masih wujud. Namun begitu dengan tindakan berterusan yang dilakukan oleh KWSP, peratusan kes ini telah berkurangan dari 24.6% pada akhir tahun 1992 kepada 11.7% pada bulan Oktober, 1994.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan Oktober, 1994 bilangan majikan yang tidak mencarum bagi pihak pekerja mereka ialah sebanyak 11.7% daripada jumlah majikan yang didaftar dengan KWSP. Jumlah ini telah banyak berkurangan.
- (c) KWSP selama ini tidak hanya bergantung kepada aduan pekerja sahaja untuk mengatasi masalah majikan yang tidak mencarum. Tindakan lain yang diambil oleh KWSP termasuklah mengemas-kini rekod majikan dengan kerjasama Pendaftar Syarikat, menghantar notis kepada syarikat yang tidak berdaftar dengan KWSP, membuat pemeriksaan pintu ke pintu dan meningkatkan kempen kesedaran kepada majikan dan pekerja mengenai tanggungjawab mereka kepada KWSP.
- (d) Kerajaan ingin memaklumkan bahawa pihak KWSP sentiasa berikhtiar untuk memastikan bahawa majikan akan mencarumkan caruman pekerja. Bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini sepenuhnya adalah sukar buat masa ini. Untuk membanteras majikan yang tidak bertanggungjawab, KWSP telah memperkukuhkan jentera penguatkuasaannya dengan menstruktur semula Jabatan Perundangan mereka, mengambil lebih ramai

inspektor atau pegawai penguatkuasa atau meningkatkan sistem kawalan melalui komputer dan membuka pejabat-pejabat KWSP negeri di seluruh negara. Pada masa ini semua aduan yang diterima daripada pekerja mengenai caruman yang tidak dibayar oleh majikan akan diambil tindakan dalam masa tujuh hingga sepuluh hari. Walau bagaimanapun, siasatan yang dijalankan mungkin mengambil masa yang panjang sekiranya tiada rekod lengkap mengenai penggajian pekerja yang disimpan oleh majikan.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah kementerian menganggap sebagai satu penyelcwenan di mana syarikat-syarikat swasta yang gagal mendapat bank financing baik dari bank tempatan atau bank asing, telah bergantung kepada KWSP untuk mendapat financing? Baharu-baharu ini Segari Energy Venture Sdn. Bhd. telah mengatakan role KWSP adalah crucial terhadap Sikap Project/Segari ini di Lumut dan juga LRT di mana syarikat STAR telah gagal selama 7 tahun untuk mendapat bank financing dan akhirnya bergantung kepada KWSP. Adakah semua ini satu symptom di mana kepentingan semua pekerja di Malaysia tidak dapat diwakili dalam KWSP ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, hakikat bahawa terdapat beberapa buah syarikat yang diberikan pinjaman oleh KWSP termasuklah syarikat-syarikat yang berjaya mendapat projek penswastaaan kerajaan iaitu sebanyak sembilan setakat ini yang melibatkan pinjaman oleh KWSP sebanyak RM5.68 ribu juta, ini kita ingin

tegaskan tidak sekali-kali melibatkan sebarang penyelewengan. Pihak Lembaga Pengarah KWSP mempunyai kriteria tertentu dalam menimbangkan cadangan pinjaman ini. Setelah dia berpuas hati bahawa pinjaman ini mampu dibayar balik dan juga mampu memberikan pulangan yang sewajarnya kepada ahli-ahli KWSP sebanyak lebih 7 juta orang itu, dan setelah pihak KWSP berpuas hati dengan pulangan yang diperolehi maka setelah itulah pinjaman diluluskan. Ini kita tidak anggap penyelewengan, ini merupakan urusan perniagaan biasa yang dibuat oleh KWSP dan juga mana-mana juga institusi kewangan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kemungkinan dua soalan yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan keluar dari konteks sedikit, tetapi sebagai maklumat bagi pencarum seluruh negara, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri suka menjawablah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana pihak KWSP dapat menentukan kadar dividen ataupun pulangan kepada pencarum pada tiap-tiap tahun, sebab bukan sahaja 2-3 tahun, tetapi lebih lama daripada itu. Setiap tahun dividen telah dikekalkan sebanyak 8% setahun, sila beritahu macam mana penentuan-penentuan ini dapat dibuat? Adakah pada jangkaan Yang Berhormat dividen ini akan dinaikkan lagi?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagi pengeluaran KWSP oleh pencarum, saya menerima aduan dari kawasan saya kebanyakannya adalah mengenai permohonan sudah dibuat dan pengeluaran

KWSP kepada pencarum begitu lama. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan satu sistem supaya pengeluaran dapat dipermudahkan lagi?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Mengenai dividen seperti mana juga mana-mana syarikat, ia bergantung kepada pendapatan yang diperolehi oleh pihak KWSP. Tahun yang lalu dividennya 8%, dan seperti mana kata Yang Berhormat dari Alor Setar memang itulah tahap untuk satu-dua tahun ini. Sebelumnya pada tahun 60-an umpamanya, pernah ada 2%, 3% dividennya lebih rendah.

Ingin saya maklumkan bahawa seperti mana yang ditegaskan tadi ia bergantung kepada keuntungan yang diperolehi. Dalam konteks ini kebanyakan pelaburan EPF adalah dalam surat-surat jaminan kerajaan ataupun government securities, yang mana pulangannya ditetapkan oleh kerajaan. Dalam pada itu pihak pengurusan EPF telah pun mengambil tindakan untuk mempelbagaikan lagi pelaburannya dan harapan kita, jika pelbagaian itu menguntungkan dan pihak EPF mendapat keuntungan sudah pasti ia mampu memberi dividen yang sewajarnya. Jadi, dividen ini bergantung kepada keuntungan, jika keuntungan besar seperti mana juga syarikat-syarikat swasta, maka dividen yang lebih tinggi dapat diperolehi. Tidak menjadi dasar EPF untuk menyimpan rizab yang tinggi, tetapi menjadi dasar EPF untuk memastikan bahawa pencarum memperoleh dividen yang sewajarnya daripada caruman yang disimpan.

Yang kedua, berkaitan dengan pengeluaran secara umumnya daripada proses mula memohon sehingga pengeluaran cek adalah dari hingga 8 minggu iaitu masa diambil sebelum cek dikeluarkan. Jika ada kes-kes tertentu di

mana Yang Berhormat dari Alor Setar ada masalah, bolehlah dirujuk kepada kami dan insya-Allah kita akan cuba ikhtiarkan agar pengeluaran cek itu dapat dipercepatkan.

**PEMBUANGAN SISA-SISA
BAHAN RADIOAKTIF
DI BUKIT MERAH**

3. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) siapakah yang mengendali ataupun menyelenggarakan tempat buangan sisa-sisa ARE di Bukit Merah semenjak syarikat itu telah berhenti wujud;
- (b) siapakah akan bertanggungjawab sekiranya terdapat pengorbanan nyawa di tempat buangan sisa-sisa toksid, sama ada Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan; dan
- (c) apakah masalah semasa yang dihadapi dalam pembinaan Pusat Pengurusan Buangan Bukit Nanas.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) apabila Syarikat Asian Rare Earth Sdn. Bhd. (ARE) berhenti wujud, segala pengendalian dan penyelenggaraan tempat pembuangan sisa-sisa bahan radioaktif di Bukit Merah dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Redzuan.
- (b) Tuan punya atau pihak yang mengoperasi tapak/tempat pembuangan sisa-sisa toksid adalah

pihak yang bertanggungjawab di atas semua hal-hal keselamatan di tapak tersebut termasuklah soal pengorbanan nyawa akibat kecelakaan dalam pengendalian tapak dan sebagainya.

- (c) masalah semasa yang dihadapi dalam pembinaan Pusat Pengurusan Buangan Bukit Nanas adalah berkaitan dengan masalah pra-pelaksanaan, seperti tanah, kewangan, konsesi dan fee pengolahan buangan oleh pihak pelaksana projek.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengapa sebab-sebab EIA yang diluluskan dalam projek Bukit Nanas sampai hari ini syarat-syarat yang dikenakan ke atas Syarikat Kualiti Alam sehingga hari ini tidak diumumkan kepada pihak awam?

Baru-baru ini kita difahamkan bahawa Konsortium Kualiti Alam adalah syarikat yang menjalankan projek ini telah memohon satu 'soft loan' daripada kerajaan. Adakah ini benar dan kalau benar adakah ini satu penyelewengan dalam eksekusi perkhidmatan kerajaan? Kalau pihak swasta tidak dapat menjalankan projek ini di atas keupayaan dia sendiri dan perlu bergantung kepada kerajaan, adakah ini satu penyelewengan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan tidak lama dahulu bahawa ada beberapa pusat toxic waste ini akan dibina di tiap-tiap kawasan. Adakah projek ini akan dijalankan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, iaitu mengenai pembinaan Pusat Pengurusan Bahan Buangan Toksid di Bukit Nanas sekarang masih

dalam peringkat pelaksanaan, di mana konsortium yang dilantik telah memberi maklum-balas kepada kementerian dan kerajaan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan masalah-masalah itu saya sudah jawab tadi. Antara cadangan daripada mereka ialah memohon satu layanan daripada kerajaan untuk cuba menolong mereka jikalau perkara-perkara mengenai kuantiti bahan toksid ini tidak mencukupi untuk mereka mendapat keuntungan di masa akan datang. Perkara ini masih dibincangkan sama ada kerajaan boleh memberi layanan atau tidak, masih belum ditetapkan lagi. Ini bukanlah disebabkan adanya penyelewengan tentang pelaksanaan projek ini, sebab dalam syarat-syarat yang kita telah tentukan pada masa yang mula-mula dahulu, kita tidak membincangkan tentang perkara tersebut.

Mengenai soalan kedua iaitu pusat-pusat yang lain, buat masa sekarang tidak ada cadangan seperti ini, tetapi ada cadangan untuk membina transit station, dengan izin.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan mengenai dengan tapak buangan sisa-sisa radioaktif.

Berdasarkan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa tapak-tapak buangan sisa radioaktif itu akan dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Perak, tetapi mungkin Timbalan Menteri tidak begitu faham tentang keadaan ini dalam negeri Perak, sebab kawasan saya adalah berhampiran dengan tapak-tapak buangan sisa-sisa radioaktif ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa ada tiga tapak buangan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bertanya ya.

Tuan Lau Dak Kee: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tanya.

Tuan Lau Dak Kee: Saya beri sedikit latar belakang sahaja. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan daripada Timbalan Menteri menyatakan, pengendalian berkenaan dengan keselamatan bagi tapak-tapak buangan sisa-sisa radioaktif itu menunjukkan satu tempat ataupun menetapkan satu tempat sahaja atau tidak, sebab ada tiga tempat untuk buangan sisa radioaktif itu.

Yang pertama, dekat kilang itu, di bawah kilang itu yang telah disahkan oleh pekerja-pekerja daripada kilang tersebut yang menyatakan bahawa ada beribu-ribu tan buangan sisa-sisa radioaktif di bawah kilang itu sendiri.

Kedua, tapak bangunan yang lama

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Lau Dak Kee: Soalnya, sama ada jawapan itu menunjukkan buangan sisa radioaktif kepada kilang-kilang ataupun kepada tapak yang lama yang terletak di Papan atau di tapak yang baru yang terletak di pedalaman Lahat itu?

Ketiga, saya hendak tahu, bolchkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah bukti yang dapat ditunjukkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Perak mampu untuk mengendalikan keselamatan bagi tapak-tapak radioaktif yang terletak di ketiga-tiga tapak ini? Saya minta satu jawapan yang lebih teliti untuk meyakinkan kita semua.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi bahawa tapak itu ialah di Bukit Merah. Saya tidak sebut di lain-lain tempat. Saya sebut di Bukit Merah. Saya hendak terangkan, apabila syarikat ini berhenti wujud, buat masa sekarang ARE masih wujud. Oleh sebab itu, mereka adalah bertanggungjawab tentang pengendalian tapak-tapak ini.

KAKITANGAN AWAM — KESAN PENSWASTAAN

4. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Perdana Menteri menyatakan mengenai kakitangan kerajaan di Malaysia:

- (a) berapakah jumlah kakitangan awam dan badan berkanun di Malaysia; dan
- (b) berapakah jumlah kakitangan awam yang dapat dikurangkan melalui dasar penswastaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah kakitangan Perkhidmatan Awam mengikut kedudukan pada bulan Ogos 1994 ialah 682,472 orang. Bilangan ini adalah termasuk bilangan kakitangan dalam badan-badan berkanun Persekutuan dan Negeri serta Penguasa Tempatan tetapi tidak termasuk anggota Pasukan Polis dan Tentera.
- (b) Sejak Dasar Penswastaan dilancarkan oleh kerajaan pada tahun 1983, jumlah kakitangan awam yang dapat dikurangkan ialah 92,322 orang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar kerajaan tentang pekerja-pekerja di sektor awam ini memandangkan bahawa hampir 6,000 lebih pekerja dalam satu pejabat JKR sahaja di Sarawak ini masih makan gaji harian. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini dasar kerajaan terhadap 'daily paid workers', dengan izin. Adakah rancangan sudah disiapkan supaya mereka dimasukkan kepada skim gaji tetap memandangkan bahawa sekarang bilangan kakitangan kerajaan sudah pun dikurangkan akibat daripada kerja penswastaan?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bawa perkara ini kepada pertimbangan kerajaan dan insya-Allah, akan ditimbang mengikut merit masing-masing.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kecekapan jentera kerajaan, apakah kesannya dari segi pengurangan kakitangan ini. Adakah ia bertambah cekap ataupun kecekapan itu telah merosot? Kalaulah kecekapan ini tidak merosot, bererti bahawa walaupun dari segi jumlah pengurangan itu besar, bahawa kakitangan kerajaan ini amat cekap walaupun hampir 100,000 orang telah dikurangkan jumlahnya, tetapi jentera kerajaan masih juga cekap. Jadi, adakah kerajaan bercadang dengan penjimatan wang yang begitu banyak hasil daripada pengurangan jawatan kerajaan ini, gaji kakitangan kerajaan akan dinaikkan dalam tempoh yang tertentu?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang salah satu dasar penswastaan ialah hendak mengurangkan kakitangan kerajaan dan harapannya hendak melihat

kecekapan yang lebih bagi jabatan-jabatan yang diswastakan. Matlamat ini tercapai kerana ada setengah daripada yang diswastakan membayar kepada kerajaan lebih daripada jumlah wang yang kerajaan bayar untuk gaji dan untuk kepentingan jabatan berkenaan.

Kakitangan perkhidmatan awam seluruhnya — kecekapan mereka telah terbukti dengan baik, maka dengan sebab itu dalam Belanjawan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, mereka diberi bonus sebulan gaji dan ada yang sampai sebulan setengah dan ini adalah hasil daripada pendapatan yang lebih kerana tidak mengeluarkan wang kepada jabatan yang diswastakan malahan syarikat yang dahulunya jabatan kerajaan telah membayar wang yang banyak kepada kerajaan.

KOKURIKULUM SEKOLAH — MATLAMAT DAN KERAJAAN

5. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah matlamat kokurikulum di sekolah-sekolah;
- (b) apakah pengisian-pengisiannya;
- (c) apakah kesan-kesan positif dan negatif sepanjang ianya berjalan; dan
- (d) bagaimanakah cara penyelesaiannya terhadap sebarang masalah yang timbul.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Matlamat kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah ialah untuk

mencapai perseimbangan antara perkembangan mental, sosial, jasmani dan rohani pelajar di samping mewujudkan interaksi dan integrasi di kalangan pelajar;

- (b) Aktiviti kokurikulum di sekolah mengandungi kegiatan persatuan/kelab, sukan/permainan dan paksukan pakaian seragam yang dirancang dan dilaksanakan ke arah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan;

- (c) Antara kesan positif yang diperolehi sepanjang penglibatan pelajar dengan kegiatan kokurikulum ialah wujudnya suasana sekolah yang lebih menarik dan mengembirakan pelajar serta peningkatan disiplin melalui penyemaian dan pemupukan nilai positif. Antara kesan negatif yang dilihat ialah apabila pelajar tidak dapat mengimbangi peruntukan masa bagi kegiatan kokurikulum dengan masa belajar. Namun demikian, pihak sekolah sentiasa memastikan kegiatan kokurikulum dirancang dan terkawal ke arah mencapai kejayaan serta keberkesanannya.

- (d) Bagi menentukan kejayaan serta keberkesanan pelaksanaan kegiatan kokurikulum, semua sekolah diminta memberi wajaran yang sesuai kepada kegiatan gerak kerja kokurikulum supaya kedua-duanya boleh saling melengkapi dalam proses pendidikan di sekolah sebagai usaha untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni terutamanya dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti mana yang disarankan oleh Falsafah Pendidikan Negara.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak bolehkah istilah-istilah ini dibunyikan sedap sedikit? 'Kokurikulum' ini janggal pada telinga saya kerana apabila saya pergi ke sekolah dia ada 'Gerakan Gerko'. Bunyinya kasar-kasar belaka sedangkan intipatinya sangat mulia. Di universiti kita ada 'Bakti Siswa', 'Gerak Bakti', benda-benda yang manis sejajar dengan ertinya yang sebenar.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Muar itu akan ditimbang. (*Ketawa*)

UBAT CAP KAKI TIGA

6. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa penggunaan Ubat Cap Kaki Tiga masih lagi berleluasa digunakan di kalangan ramai penduduk di kawasan luar bandar yang apa dikatakan sebagai ubat Tenaga Kuat Kerja sehingga mereka telah ketagih jika tidak makan ubat itu mereka merasa letih dan tidak ada tenaga untuk membuat apa-apa jua pun. Adakah kementerian memastikan bahawa ubat ini tidak mempunyai kesan buruk kepada kesihatan mereka (side effect) kepada penggunaannya bagi menentukan keselamatan orang ramai di negara ini telah terkawal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, Cap Kaki Tiga adalah merupakan cap dagangan yang digunakan oleh Syarikat Weng Ken Drug Sdn. Bhd. yang beralamat di 8 & 10, Jalan Jening, Taman Johor, Johor Bahru. Syarikat ini mempunyai kilang membuat ubat-ubatan yang dilesenkan oleh Pihak

Berkuasa Kawalan Dadah. Kelulusan telah pun diberi untuk memproses 8 jenis keluaran yang tidak mengandungi racun berjadual. Ubat yang disebutkan sebagai "Ubat Tenaga Kuat Kerja" dan boleh menyebabkan ketagihan tidak spesifik dan hanya boleh ditentukan kualitasnya sekiranya contoh dapat dihantar ke Biro Pengawalan Farmaceutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dianalisa. Sementara itu, orang ramai adalah sentiasa diingatkan untuk membeli ubat-ubatan yang mempunyai nombor pendaftaran Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk menentukan keselamatan, aplikasi dan kualiti produk.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ubat Cap Kaki Tiga ini ubat yang saya rasa berkembang dengan generasi. Jadi, saya hendak tahu daripada Setiausaha Parlimen, berapa pastikah kerajaan bahawa ubat ini tidak mengandungi bahan dadah, oleh kerana orang-orang di kampung, scbilangan orang-orang tua dia menjadi penagih ubat Cap Kaki Tiga — addiction kepada ubat Cap Kaki Tiga. Kalau dia tak dapat ubat Cap Kaki Tiga dia tak boleh buat kerja. Walaupun dia tak sakit, dia kata dia rasa sakit kalau dia tak makan ubat Cap Kaki Tiga. Jadi, adakah kerajaan hendak menyiasat perkara ini sama ada perkara ini merbahaya kepada kesihatan, khususnya orang-orang luar bandar?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya terangkan tadi, ini tidak termasuk dalam Jadual yang kedua, di mana mengandungi bahan-bahan yang akan membawa bahaya kepada insan. (*Ketawa*) Selain daripada itu, dalam bungkusan ubat itu kita terangkan — dalam ubat Cap Kaki Tiga ada nombor lesen. Ini bermakna kementerian telah memberi jaminan bahawa kita boleh gunakan ini. Itu

terpulang kepada individu masing-masing. Macam juga sejenis akar kayu — Tongkat Ali, (*Ketawa*) kita gunakan untuk kesihatan badan. Tetapi ada juga golongan dalam masyarakat menggunakan untuk menaikkan nafsu. (*Ketawa*) Itu terpulang kepada individu. Saya beri jaminan boleh gunakan, tetapi kita mendidik supaya jangan jadi ketagih nanti.

MANUSKRIP “MELAYU LAMA”

7. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan manuskrip “Melayu Lama” yang dapat dikembalikan ke negara semenjak kementerian ditubuhkan;
- (b) langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam usaha-usaha itu; dan
- (c) adakah kementerian bercadang melibatkan pihak swasta dalam usaha itu dan nyatakan rancangannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato’ Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semenjak kementerian ditubuhkan, bilangan manuskrip “Melayu Lama” yang telah dikembalikan ke negara ini ialah sebanyak 145 naskhah, iaitu dalam bentuk mikro-filem. Walau bagaimanapun, sebanyak 6 manuskrip lama telah dikembalikan ke negara ini melalui pembelian di syarikat lelongan antarabangsa dan kedai buku Antiquarian melalui pihak Perpustakaan Negara.

(b) langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian ini bagi mendapatkan manuskrip-manuskrip lama adalah seperti berikut:

- (i) menghantar pegawai-pegawai Arkib ke institusi-institusi luar negeri di United Kingdom, India, Belanda dan negara-negara yang berkaitan untuk mengenalpasti rekod-rekod Malaysia di luar negeri;
- (ii) menggalakkan pegawai Arkib yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana membuat penyelidikan dan thesis mengenai bahan-bahan Malaysia di luar negeri untuk mengetahui kekayaan bahan-bahan Malaysia di luar negeri;
- (iii) memohon bantuan institusi antarabangsa seperti UNESCO dalam usaha mengesan dan memperolehi salinan manuskrip di luar negara;
- (iv) mengadakan program kerjasama pertukaran bahan atau salinan manuskrip lama dalam bentuk mikro-filem dengan institusi-institusi negara berkaitan seperti yang telah dan sedang diatur dengan Universiti Leiden, Belanda dan Equal Fraunci de Extrem Orient (EFEO), Paris.
- (c) penglibatan pihak swasta dalam usaha-usaha mendapatkan manuskrip lama telah dimulakan, di mana Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) umpamanya telah membiayai sepenuhnya kos

pengangkutan warkah Melayu Lama yang dibeli dari British Library London ke Kuala Lumpur. Kementerian juga berusaha mendapatkan bantuan Petronas untuk membiayai kos pembelian bahan-bahan dari luar negara, di samping mendapatkan bantuan daripada Esso dan Toyota Foundation bagi memperolehi bahan-bahan luar negara yang bukan dalam bentuk manuskrip seperti koleksi gambar Sir William Hunt, iaitu areal photograph berjumlah 2,011 skrip.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah manuskrip lama yang telah kita kenal pasti yang berada di luar negara, dan manuskrip-manuskrip lama yang telah kita perolehi ini apakah yang telah dilakukan oleh kementerian? Adakah usaha-usaha untuk memperbetulkan maklumat atau kenyataan-kenyataan yang ada di negara kita yang bertentangan dengan manuskrip lama ini telah dibuat oleh pihak kementerian?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pengesanan manuskrip Melayu lama di luar negara kita telah ambil tindakan-tindakan tertentu. Umpamanya kita dapat mengenal pasti setakat ini lebih 714 judul manuskrip lama, tetapi masih banyak lagi. Sebenarnya kita tidak dapat mengenal pasti sehingga kesemua tempat yang kita pergi dari semasa ke semasa. Kita bekerjasama dengan Kerajaan Belanda, umpamanya kita membuat kajian di negara Belanda, kita membuat kajian di Jerman Barat, umpamanya kita buat kajian di Perancis, USA, Singapura, Portugal dan beberapa negara lain lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, manuskrip lama yang kita terima itu dalam bentuk mikro-film, dan ia sama seperti mana asal. Tetapi negara-negara yang berkenaan ataupun tempat-tempat yang berkenaan ataupun institusi yang berkenaan bertindak mengikut dasar mereka, tidak memberi yang asal, tetapi ia samalah seperti asal. Jadi, sebab itu kita simpan dan pada pandangan kita jika ianya seperti asal kenapa kita membuat pindaan. Itu adalah di luar daripada tugas kita kalau kita hendak buat pindaan. Cuma barangkali pengkaji-pengkaji, mereka harus melihat dari sudut mana yang mereka harus membuat konsep kronologi persejarahan dan sebagainya, terpulang kepada pengkaji-pengkaji yang berkenaan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah manuskrip lama adalah sandaran kepada fakta-fakta sejarah yang mungkin perlu diperbetulkan sebagaimana yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Saya ingin tahu manuskrip lama, perkara dan benda-benda yang amat berharga ini, mengapakah diabadikan dan disimpan sahaja. Tidakkah perlu perkara ini umpamanya diadakan satu badan untuk mengurus, mendalami dan mungkin kita dapat menimba perkara-perkara yang boleh disebarkan pula kepada masyarakat Malaysia hasil daripada manuskrip lama itu.

Yang keduanya, saya ingin bertanya berapa intensifkah gerakan kerajaan untuk mewujudkan hubungan kerajaan dengan kerajaan, iaitu government-to-government, dengan izin, untuk mendapatkan lebih banyak lagi manuskrip-manuskrip yang memang adalah hak mereka, tetapi kita sebagai negara yang menjadi asas kepada manuskrip tersebut harus diberi peluang untuk menerima perkara ini. Jadi, berapa intensifkah permohonan kerja-kerja kita, khususnya menerusi usaha kerajaan dengan kerajaan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa manuskrip merupakan bahan penting dari segi kita membuat pengkajian ataupun penterjemahan sejarah kita. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat tugas ataupun peranan kita pertama ialah untuk memastikan bahawa manuskrip ini dapat kita bawa balik, kalau tidak dalam bentuk asli, tetapi dalam bentuk-bentuk lain, mikro-filem, video dan sebagainya.

Adalah menjadi dasar kerajaan iaitu membuka seluas-luasnya kepada pengkaji-pengkaji khususnya daripada universiti, pusat-pusat pengajian tinggi untuk membuat kajian melalui manuskrip ini. Sebenarnya memang telah banyak kajian-kajian dibuat oleh pihak universiti, pihak pensyarah-pensyarah universiti mengenai manuskrip-manuskrip lama ini. Kerajaan adalah serius hendak memastikan bahawa manuskrip yang berada di luar negara ini dapat kita pulangkan balik ke negara kita. Dengan sebab itu, kerajaan telah menubuhkan ataupun menempatkan di Perpustakaan Negara kita iaitu pusat khusus yang kita panggil pusat kebangsaan bagi manuskrip untuk negara ini. Dan di samping itu, seperti yang saya sebutkan tadi bukan sahaja hubungan kita dengan pihak luar negara melalui pusat-pusat pengajian tinggi, bahkan kerajaan selalu mengambil bahagian di tempat-tempat ada lelongan manuskrip lama, kita pastikan pegawai-pegawai kita pergi membuat kajian memastikan apakah yang perlu kita beli. Dan di samping itu, seperti yang saya sebutkan tadi, bukan sahaja hubungan kita dengan pihak luar negara melalui institusi, melalui pusat-pusat pengajian tinggi, bahkan kerajaan selalu mengambil bahagian di tempat-

tempat perlelongan manuskrip lama, umpamanya, — kita pastikan pegawai-pegawai kita pergi membuat kajian dan memastikan apakah yang perlu kita beli. Di samping itu kita juga berhubung bukan sahaja dengan institusi ataupun dengan pihak badan-badan tertentu, tetapi dengan individu-individu yang berada di luar negara, termasuk, umpamanya, pensyarah-pensyarah negara kita yang berada di luar negara, juga kita hubungi, sekiranya mereka mengetahui, laporkan kepada kita dan kita ambil tindakan. Yang mana kita fikir perlu kita beli, kita beli. Jadi, kerajaan memang bersungguh-sungguh dalam perkara ini sebagai makluman kepada Dewan.

AKADEMI PERTAHANAN NASIONAL (APN) — PENUBUHAN

8. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Pertahanan menjelaskan tentang perancangan kementerian untuk menubuhkan Akademi Pertahanan Nasional (APN) yang mula beroperasi pada Julai 1995.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan berhasrat untuk mengadakan sebuah Akademi Pertahanan Nasional bagi memenuhi keperluan peningkatan tahap profesionalisma anggota-anggota tentera sebagai sebahagian dari program modenisasi Angkatan Tentera Malaysia. Keperluan Akademi ini adalah juga sebagai persediaan kepada ATM dalam menghadapi cabaran-cabaran akan datang menjelang abad ke-21. Kementerian Pertahanan sedang dalam proses membuat persediaan bagi mewujudkan Akademi tersebut.

**PROGRAM MEMBANTU
GOLONGAN BELIA**

9. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah, usaha-usaha dan tindakan pihak kementerian untuk membantu golongan belia-belia yang keciciran dalam bidang pendidikan terutamanya di luar bandar; dan
- (b) apakah perkembangan dan perancangan pihak kementerian dalam pelaksanaan program Wawasan Rakan Muda Malaysia bagi menyegarkan kembali persatuan-persatuan belia, memupuk semangat keyakinan diri dan mencerminkan identiti anak-anak muda negara ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) dalam usaha untuk membantu golongan-golongan belia yang tercicir dalam bidang pendidikan terutama di luar bandar, kementerian menawarkan peluang-peluang latihan khusus kepada belia-belia luar bandar untuk mengikuti kursus kemahiran di ketujuh-tujuh buah Institut Kemahiran Belia Negara. Di samping itu juga menerusi Program Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir, kementerian akan membuat kerjasama dengan beberapa buah dewan perniagaan dan persatuan-persatuan usahawan dalam melatih belia-belia dalam bidang kemahiran dan keusahawanan.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha menangani masalah sosial dan kelesuan persatuan-persatuan belia telah merancang dan melaksanakan beberapa program dan gerakan. Gaya Hidup Rakan Muda adalah satu program pemaduan pelbagai kegiatan dan kemudahan dalam satu sistem rangkaian penguurusan. Kementerian memperkenalkan 9 Gaya Hidup Rakan Muda, iaitu Rakan Sukan, Rakan Wajar Diri, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni-Budaya, Rakan Reka-Cipta, Rakan Wira-Usaha dan Wira Mahir, Rakan Kecergasan, Rakan Masyarakat dan Rakan Rekreasi. Kementerian juga kini merancang dan melaksanakan satu gerakan yang dikenali sebagai Brigade Rakan Muda iaitu satu gerakan sua-daya generasi muda untuk mencetus pembangunan bagi generasi muda Malaysia.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan begitu banyak program dan juga aktiviti bersabit dengan Program Rakan Muda yang telah dan akan dilaksanakan dalam tahun ini dan tahun yang seterusnya. Saya ingin tahu sebanyak mana jumlah peruntukan yang telah dan akan diperuntukan di tahun yang akan datang.

Dato' Teng Gaik Kwan: Jumlah yang diperuntukan untuk Program Rakan Muda ialah lebih kurang RM280 juta.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, bagaimanakah Program-program Rakan Muda, Brigade Rakan Muda dan sebagainya hendak dilaksanakan di peringkat akar umbi. Adakah menerusi ke-

giatan persatuan-persatuan belia? Dan kalau menerusi persatuan-persatuan belia, saya ingin tahu berapa banyakkah persatuan belia yang telah didaftar dan berapa banyak yang telah mati, berapa banyak yang lesu dan mungkin berapa banyak yang aktif?

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, Program Rakan Muda ini boleh dikatakan diadakan hampir di semua kampung — kita hendak pergi ke akar umbi, maknanya pergi hingga ke daerah. Sebab itu tidak timbullah sama ada kita boleh pergi ke persatuan-persatuan atau NGO di merata tempat di negara ini.

Saya berkeyakinan persatuan-persatuan yang lesu seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita akan dihidupkan semula melalui Program-program Gaya Hidup, yang banyak untuk belia-belie kita.

PUSAT PEMERIKSAAN KERETA AUTOMATIK — JUMLAH

10. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan berhubung penswastan pemeriksaan kereta sejak 1.9.94:

- (a) jumlah pusat pemeriksaan yang telah dan akan ditubuhkan oleh Diversified Resources Sdn. Bhd.,
- (b) jumlah kereta yang telah diperiksa oleh syarikat swasta; dan
- (c) apakah sebabnya kementerian-nya telah membenarkan syarikat itu menaikkan bayaran pemeriksaan dari RM20–RM40 kepada RM40–RM60.

22.11.94.

13. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan pemeriksaan kenderaan perdagangan sejak ia diswastakan seperti latar syarikat yang diberikan penswastan, bilangan kenderaan yang sudah diperiksa, kadar bayaran dan jumlah kutipan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan mengenai perkara yang sama telah juga diterima dalam sesi ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Klang yang dijadualkan pada 22hb November, 1994.

Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pemeriksaan kenderaan telah pun diswastakan pada 1hb September 1994 dan ianya dikendalikan oleh Syarikat Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) iaitu anak syarikat Diversified Resources Berhad (DRB). Syarikat ini secara berperingkat-peringkat akan menukar sistem pemeriksaan secara manual kepada pemeriksaan secara automatik dan berkomputer di semua 31 buah pusat pemeriksaan.

Sepanjang bulan September 1994 sebanyak 62,355 buah kenderaan telah pun diperiksa dengan jumlah kutipan sebagai RM1.2 juta. Kenaikan bayaran pemeriksaan adalah bertujuan untuk menampung kos penyediaan peralatan yang termaju dan terkini, otomatik dan berkomputer.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar baru-baru ini para pengguna kenderaan yang hendak membuat pemeriksaan kenderaan mereka di Pusat Ujian Kenderaan Perdagangan PUSPAKOM di Kampung Jawa, Klang terpaksa menunggu di luar tapak PUSPAKOM selama empat hingga lima jam untuk mendapatkan pemeriksaan kenderaannya dan juga kemudahan tempat letak kereta dan tempat rehat pun tidak cukup. Jika sedar, apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa setiap projek penswastaaan kerajaan dilaksanakan bermakna kenaikan harga, ini akan membebankan rakyat jelata. Adakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang kejadian yang disebutkan di Pusat Ujian Pemeriksaan di Kampung Jawa berlaku sedemikian sebab Pusat Pemeriksaan di Wangsa Maju ditutup kerana kerja-kerja penyediaan pengkomputeran dan juga peralatan-peralatan yang terkini seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, semua kenderaan yang patut diperiksa di Wangsa Maju diarahkan pergi ke Kampung Jawa. Itulah sebab terjadi kejadian seperti itu. Jadi, bukan disengajakan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Pusat Pemeriksaan di Kampung Jawa memang mencukupi bagi keadaan biasa. Ini adalah keadaan luar biasa sebab dua pusat di letakkan jadi satu pusat. Jadi, teruklah pusat yang satu itu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa tiap-tiap kali ada penswastaaan, semua kosnya naik tinggi. Kos yang naik tinggi itu bersesuaian dengan khidmat yang diberi. Khidmatnya lebih baik tentulah kena bayar lebih sedikit.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga hari tunggu. (*Ketawa*) Soalan tambahan. Saya ingin hendak bertanya dengan Timbalan Menteri dua soalan. Soalan yang pertama, pada masa sekarang kalau tidak salah saya, hanya kereta komersil sahaja diperiksa dan kalau betul, apakah penjelasan berhubung dengan teksi-teksi yang buruk di Kuala Lumpur. Macam mana? Sama ada diperiksa ataupun tidak?

Yang kedua, adakah pemeriksaan ini mungkin pada masa hadapan akan dibuka kepada kereta-kereta persendirian sebagaimana yang dibuat di negara lain seperti di England sebelum road tax diberi kepada kereta yang tertentu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan yang diadakan adalah pemeriksaan awal iaitu apabila kenderaan baru yang hendak didaftarkan, kita membuat pemeriksaan dan pemeriksaan berkala dibuat kepada kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam termasuklah teksi, 6 bulan sekali; dan pemeriksaan-pemeriksaan semula misalnya pemeriksaan teksi itu tidak lulus, dia kena periksa semula setelah dibaiki apa juga yang tidak betul, yang rosak dan sebagainya kena periksa semula dan kita ada juga pemeriksaan khas iaitu atas permintaan-permintaan pihak tertentu misalnya kastam atau pihak polis dan lain-lain. Pemeriksaan selepas kemalangan dan ini tidak dikenakan bayaran.

Mengenai kereta persendirian, buat masa ini kerajaan belum lagi bercadang untuk mengadakan pemeriksaan seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu tender terbuka dicadangkan untuk perkhidmatan sebegini dan kalau ya, apakah faedah yang diperolehi dari kerajaan daripada sistem tender seperti berikut.

Yang kedua, apakah gunanya kita mengadakan sistem pemeriksaan seperti ini yang dilaksanakan sekarang apabila pihak JPJ dibenarkan saman ke atas semua kenderaan yang mengeluarkan asap hitam tanpa diperiksa oleh Hatridge Smoke Meter, dengan izin, dan dengan hanya mengambil gambar bahawa ada asap hitam sudah boleh disamakan. Sekian.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sistem pemeriksaan yang kita adakan ini adalah untuk sistem yang lebih canggih dan cepat kerana kalau dahulu sekurang-kurangnya mengambil masa setengah jam dengan sistem berkomputer ini hanya perlu 10 minit sahaja. Bererti orang ramai atau pelanggan-pelanggan kita semua tidak perlu menunggu lama.

Mengenai asap, sebenarnya kalau masa diperiksa asapnya tidak melebihi 50 unit Hatridge Smoke Meter yang digunakan, dia tidak disaman. Kalau masa tengah pemeriksaan, kalau lebih asapnya, dia disuruh keluar balik, pergi ke workshop mana-mana untuk memperbaiki kalau ada yang rosak menyebabkan keluarnya asap yang banyak. Bukan asap sahaja yang diperiksa masa pemeriksaan 6 bulan sekali, banyak perkara-perkara lain dari segi teknikalnya, dari segi road worthinessnya semua

diperiksa, bukan hanya asap. Dan pemeriksaan asap ini ialah kawalan untuk menentukan bahawa kenderaan-kenderaan kita yang ada 6.9 juta di negara kita ini tidak menimbulkan masalah alam sekitar yang mudarat kepada penduduk di negara ini.

Mengenai pemeriksaan asap secara visual, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan dua hari dahulu bahawa sistem ini kita gunakan hanya di dalam Lembah Kelang. Kita tidak gunakan di luar Lembah Kelang dan sebaik-baik yang boleh kita menggunakan Hatridge Smoke Meter

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)
(*Menyampuk*)

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Nantilah sekejap! Orang belum habis memberi penjelasan. (*Disampuk*) Tidak, sekarang ini kita sudah beri arahan. Dengarlah dahulu penjelasan saya! (*Ketawa*) Kita sudah pun memberi arahan di luar Lembah Kelang, tidak lagi digunakan visual method. Faham? (*Ketawa*) Dalam Lembah Kelang ini, kerana kenderaan terlalu banyak dan memang mengeluarkan asap yang begitu banyak dan sistem yang digunakan pun bukan hanya sekali. Ia ada garis panduan yang mesti digunakan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa ini supaya menentukan bahawa benar-benar kenderaan ini mengeluarkan asap yang begitu banyak dan menjadi mudarat kepada alam sekitar kita. Sebolehnya hendaklah digunakan mesin Hatridge Smoke Meter dan kalau masa diperiksa lori itu misalannya tidak ada muatan, mungkin selepas diisi muatan, disebabkan muatan yang berat ada kemungkinan asap itu berlebihan. Ini juga kita ambil kira. Itulah penjelasannya, Tuan Yang di-Pertua.

**PENCEROBOHAN NELAYAN
ASING — BILANGAN KES**

11. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bagi tahun 1988, 1993 dan 1994 (setakat ini), berapakah kes yang dikesan pencerobohan oleh bot-bot nelayan asing dalam perairan Malaysia, berapa kes yang ditangkap dan denda yang dikenakan oleh mahkamah; dan
- (b) pada masa ini berapakah bot-bot yang dirampas dan apakah tindakan diambil atas bot-bot tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah kes pencerobohan oleh bot-bot nelayan asing di perairan Malaysia yang telah dilaporkan bagi tahun 1988 ialah sebanyak 1,144, untuk 1993; 1,573 dan sehingga bulan Oktober 1994, sebanyak 440. Sementara bilangan kes tangkapan dan denda yang dikenakan oleh mahkamah ke atas kes tersebut bagi tahun 1988 — bilangan kes tangkapan 110 kes dengan denda RM30.6 juta untuk tahun 1993, 107 kes tangkapan denda berjumlah sebanyak RM38.9 juta dan sehingga bulan Oktober 1994, 110 kes dengan denda sebanyak RM57.2 juta.
- (b) sehingga bulan Oktober 1994, jumlah bot yang dirampas adalah 100 buah. Tindakan yang diambil ke atas bot-bot tersebut ialah dengan menjualkannya semula kepada tuan punya bot.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat tahu, banyak bot-bot yang dirampas ini dibiarkan buruk atau dibiarkan di tepi-tepi sungai sehingga mengganggu perjalanan bot-bot lain dan juga merupakan eye-sore, dengan izin. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk get rid, dengan izin, untuk membersihkan tepi-tepi sungai itu daripada bot-bot yang buruk keadaannya itu?

Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa langkah yang dibuat oleh Jabatan Perikanan untuk mengatasi masalah mengenai dengan bot-bot yang telah ditangkap dan ditahan di pelabuhan, terutama sekali yang terdapat di sebelah Pantai Timur. Di antaranya, kita akan menggunakan bot-bot tersebut untuk dijadikan sebagai tukun tiruan.

Yang keduanya, bot-bot tersebut akan dijual semula kepada pemilik asal. Untuk makluman Yang Berhormat, proses undang-undang ini memakan masa. Kita tidak boleh jual begitu sahaja dengan serta-merta. Kita kena tunggu. (*Ketawa*)

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kes pencerobohan itu, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini, kebanyakan bot-bot itu datang dari negara mana dan apakah tindakan kerajaan — sama kerajaan ada berbincang dengan kerajaan yang berkenaan?

Datuk Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, vesel-vesel perikanan yang ditangkap kebanyakannya datang dari negara-negara jiran seperti negara Thailand, Vietnam dan juga Indonesia. Jadi, soal penguatkuasa yang dibuat oleh agensi penguatkuasa maritim ini berkesan dan kita dapati jumlah pencerobohan ini dapat kita kawal.

**SKIM BANTUAN GOLONGAN
MISKIN DAERAH SERIAN**

12. Tuan Richard Riot anak Jaem minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) jenis-jenis bantuan yang telah dikeluarkan oleh kementerian-nya di dalam usaha membantu golongan-golongan miskin yang terdapat di dalam negara kita;
- (b) berapa banyakkah bantuan yang telah diberi pada tahun 1993 dan 1994;
- (c) bilangan penerima-penerima Bantuan Kebajikan Am dalam bentuk wang di daerah Serian pada tahun 1993 dan 1994; dan
- (d) jumlah wang yang diberi kepada penerima-penerima Bantuan Kebajikan Am ini di daerah Serian pada tiap-tiap bulan untuk dua tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan berbagai skim bantuan kewangan bagi golongan miskin dan yang kurang bermasib baik. Skim-skim bantuan adalah seperti berikut:
 - (i) Skim Bantuan Kewangan Persekutuan — adalah berupa bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua dan elaun pekerja cacat;
 - (ii) bantuan am termasuk bantuan sekolah;
 - (iii) bantuan pelajaran;

- (iv) bantuan alat tiruan; dan
- (v) bantuan cermin mata.

Bagi Skim Bantuan Kewangan Negeri, peruntukan bagi skim-skim yang diberi oleh Kerajaan Negeri masing-masing kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan, bagi kedua-dua kawasan tersebut, peruntukan diberi oleh Kerajaan Persekutuan. Skim tersebut adalah seperti berikut:

- (i) bantuan am;
- (ii) bantuan sekolah;
- (iii) elaun latihan sambil belajar; dan
- (iv) bantuan bencana alam.

(b) Bantuan yang telah diberi dalam tahun 1993 adalah sejumlah RM13,831,036 dan bagi tahun 1994, iaitu dari Januari sehingga Mei adalah RM7,825,659.

- (c) Bilangan penerima Bantuan & Kebajikan Am di daerah Serian
- (d) bagi tahun 1993 ialah sebanyak 807 kes. Dalam tahun 1994 pula adalah sebanyak 806 kes. Jumlah bantuan setiap bulan adalah sebanyak RM41,060 bagi tahun 1993 dan bagi tahun ini sehingga bulan Oktober 1994 adalah sebanyak RM39,170 setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 13 hingga 34 adalah dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseimbangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (7hb November, 1994).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gaya, sila sambung. Yang Berhormat ada 15 minit lagi.

3.36 ptg.

Tuan Philip Yong Chiew Lip (Gaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di Lahad Datu, seorang ibu telah dibunuh oleh seorang pencuri apabila dia berteriak kerana pencuri ini hendak memasuki kereta orang lain. Di Keningau, seorang budak berumur 13 tahun telah ditikam sebanyak lebih 60 kali oleh seorang asing dengan pisau kerambit kerana berselisih faham apabila budak ini berlanggar dengannya secara tidak sengaja. Di Luyang, Kota Kinabalu, seorang anggota polis mati akibat tetakan dan tembakan, sementara seorang rakan polis lagi cedera parah setelah discrang oleh dua orang lelaki yang bersenjatakan parang, manakala seorang daripadanya telah berjaya dibunuh oleh anggota polis dan seorang daripadanya melarikan diri dengan sepucuk pistol yang dirampas daripada anggota polis yang terbunuh.

Kescmua jenayah ini telah dilakukan oleh pendatang-pendatang asing. Ada juga golongan pendatang ini yang telah mempunyai dokumen pengenalan seperti Kad Pengenalan yang sah, tetapi tidaklah diketahui sama ada diperolehi secara sah atau sebaliknya. Bila mereka mempunyai dokumen yang sah sebagai rakyat Malaysia, mereka akan bebas ke mana-mana sahaja dalam negeri-negeri di dalam Malaysia. Ramai di antara mereka ini berkeliaran di Bandaraya Kuala Lumpur dan saya percaya bilangan ini akan bertambah dari masa ke semasa.

Saya ingin merujuk kepada satu kes bunuh yang dibicarakan di Kuala Lumpur awal tahun ini yang menyebut seorang lelaki Bajau dari Sabah didapati bersalah kerana membunuh teman wanitanya. Berdasarkan kepada jenis kes dan nama pesalah, saya sebagai rakyat Sabah merasa ragu sama ada pesalah itu benar-benar seorang berketurunan Bajau yang lahir dan dibesarkan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan apa yang telah saya bentangkan di Dewan yang mulia ini, saya merayu kerajaan, khususnya Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil satu langkah penyelesaian yang menyeluruh dan berkekalan. Jika perkara ini berterusan, ianya bukan sahaja merupakan satu kegagalan, tetapi juga dapat dilihat sebagai sikap sambil lewa Kerajaan Persekutuan terhadap nasib kami rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas usaha kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti tetap di negeri Sabah. Saya berharap, cadangan penubuhan ini akan menjadi realiti dan dilaksanakan dengan cepat.

Dengan adanya penubuhan universiti ini, kami berharap negeri Sabah akan melahirkan graduan-graduan yang cemerlang serta membantu merealisasikan Wawasan 2020 yang menjadi cabaran kepada kita semua. Untuk tujuan itu, saya juga ingin bertanya bagaimanakah kelak cara pengambilan pelajar. Adakah universiti ini hanya dibuka kepada rakyat Sabah? Jika tidak, berapakah kuota pengambilan pelajar-pelajar dari Sabah?

Selain daripada penubuhan universiti, saya juga memohon kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan supaya memperbanyakkan bilangan sekolah

vokasional, mengadakan Institut Kemahiran Mara (IKM) dan politeknik. Bilangan sekolah vokasional di Sabah sekarang adalah tidak mencukupi. Institut Kemahiran Mara (IKM) dan politeknik tidak ada sedangkan institut ini sangat penting untuk meningkatkan kemahiran rakyat terutama golongan belia. Saya khuatir sekiranya rakyat Sabah tidak berpeluang mempelajari kemahiran perindustrian, kami bukan sahaja akan ketinggalan tetapi akan menjadikan Wawasan 2020 itu terlalu jauh dari jangkauan kami. Dalam hal ini, saya percaya Kerajaan Persekutuan tidak ada alasan menidakkan permohonan ini kerana pemimpin-pemimpin kerajaan di peringkat negeri akan sentiasa bekerjasama untuk menjayakannya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon perkara-perkara yang saya kemukakan di Dewan yang mulia ini supaya dipertimbangkan dengan sewajarnya. Sebagai rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah, kami juga seperti saudara-saudara kami yang lain amat memerlukan pembangunan dan oleh kerana kami jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, maka adalah wajar bagi kerajaan untuk memberikan keutamaan kepada negeri Sabah, sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber alam dan berwajah baru sesuai dengan imejnya sebagai Sabah Baru.

Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar.

3.43 *ptg.*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa 20 minit sahaja, saya mengambil ke-

sempatan di sini cuma untuk hendak berucap sebagai ucapan yang terakhir di dalam sesi kita sebelum pilihan raya. Jadi, saya hendak mengucapkan barangkali selamat tinggalah sebab kita belum tentu kita dipilih. Sebab kedudukan kami di Barisan Nasional terletak pada pucuk pimpinan. Jadi, masalah adalah masalah pemilihan. Tetapi di sebelah pembangkang juga oleh sebab masalah pembangkang dengan isu-isu kita ini, masalah pembangkang adalah masalah kekalahan. Jadi, saya ucapkan selamat tinggalah kepada Ahli Parti Pembangkang yang kalah. Tetapi kami kalau tidak ada di sini barangkali tidak terpilih.

Jadi, barangkali selepas ini kita adakan pilihan raya. Sebab mengikut Ketua Pembangkang, ucapan budget kali ini adalah suatu budget yang baik untuk kepentingan pilihan raya. Jadi, saya nampak pada kali inilah Ketua Pembangkang bercakap dalam ucapan budgetnya terlalu pendek — 1 jam 10 minit. Berbandingkan dengan ucapan-ucapan beliau di tahun-tahun yang lepas, inilah ucapan beliau yang terpendek sekali. Saya kesihan juga kerana beliau accident. Tetapi dalam ucapan beliau, beliau memuji Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita kerana pandai membuat satu "Budget Politic".

Jadi, saya tidak mahu hendak bercakap panjang tentang budget sebab kita tahu semua orang telah puji. Tetapi oleh sebab Ketua Pembangkang mengatakan ini suatu "Budget Pilihan Raya", saya ingin menyatakan bahawa itu sudah mestilah. Sebab kita memerintah, kalau kita hendak buat budget ikut sesuai Parti Pembangkang, supaya kita kalah dalam pilihan raya, saya rasa itu adalah satu Menteri Kewangan yang tidak berapa bijak. Tetapi kita buat sesuai dengan pilihan raya.

Jadi, saya rasa dalam ucapan-ucapan beliau masih banyak mengkritik tentang pemerintahan Barisan Nasional. Masih banyak mengatakan bahawa kita tidak demokrasi dalam politik. Rakyat Malaysia belum menjadi Malaysian Malaysia. Pengundi masih belum mempunyai pemilihan yang bebas, pegawai-pegawai kerajaan masih tidak cekap, tidak amanah, masih bergelumang dengan rasuah. Kerajaan kita masih belum menghapuskan ISA, OSA, Akta Hasutan, Akta Percetakan, Akta Pengambilan Tanah dan lain-lain lagi. Pendek kata serba-serbi tidak demokrasi, ini ikut kata Ketua Pembangkang.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sudah tibalah masanya untuk kerajaan oleh sebab mereka kata kita tidak demokrasi, saya pun hairan kerana kita tengok ucapan-ucapan pembangkang begitu berapi-api. Ketua Pembangkang masih kata tidak demokrasi dan semalam kita dengar ucapan daripada Yang Berhormat dari Kok Lanas yang mempertahankan kedudukan ketuanya yang membandingkan bahawa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu sama atau lebih teruk lagi daripada Ketua Semangat 46 yang membuat satu laporan di Australia. Saya rasa, sebagai Ahli Yang Berhormat yang berkelulusan undang-undang adalah satu perbandingan yang salah. Sepatutnya Yang Berhormat dari Kok Lanas ini membandingkan Yang Berhormat dari Puchong yang telah mencrukan supaya Amerika Syarikat menarik balik GSP. Itu sama perbandingan dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang yang membuat laporan tentang negara kita ini penuh dengan rasuah. Itu satu perbandingan yang baik tetapi dibandingkan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, itu salah. Sebab Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sekurang-

kurangnya memberi saham kepada rakyat Malaysia. Adalah empat lima orang yang kaya. Barangkali Yang Berhormat tidak kaya, saya tidak kaya tetapi ada orang kaya. Anak warganegara Malaysia. Ada keuntungan juga. Tetapi apa yang dicakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang di Australia itu, itu akan merugikan rakyat Malaysia. Pelabur-pelabur asing tidak akan datang melabur di negara kita. Ini amat merugikan rakyat kita. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya ingin menyatakan bahawa sungguhpun perkara ini banyak yang tidak dapat saham, tetapi sekurang-kurangnya perkara yang disebut seperti ramai anak-anak Menteri, anak Timbalan Menteri seperti Megat Firdous mendapat beberapa juta saham FACB. Saya ingin mengatakan di sini; adakah Yang Berhormat dari Kok Lanas itu mengetahui ataupun pembangkang-pembangkang lain? (*Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas masuk ke Dewan*) Ini dia sudah masuk. Ahli-ahli pembangkang-pembangkang yang membangkitkan perkara ini mengetahui bahawa anak Dato' Megat Junid itu, boss saya dululah — bukan hendak mempertahankan; ini perkara betul — adalah berkelulusan Master Degree in Finance. ED kepada FACB. Apakah tidak berhak seorang yang berkelulusan Master Degree ini Finance, yang menjawat jawatan Executive Director mendapat saham daripada syarikatnya? Ini adalah satu perbandingan. Ini Yang Berhormat dari Kok Lanas telah masuk dah. Saya ingat lain kali kalau hendak cari perbandingan, cari yang sama. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Puchong dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. Itu satu perkara yang memang tidak boleh dinafikan bahawa

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti sekejap sahaja lagi. Saya bagi chance. Saya mesti bagi chance. Tetapi ada 20 minit hendak ucapkan selamat tinggal sahaja pada tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang itu, sebab isu mereka ada empat lima sahaja. Yang lapuk-lapuk, yang akan dibangkitkan kalau ada pilihan raya yang akan datang ini. Oleh sebab itu saya mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan selamat tinggal. Bukan kepada saya, saya atas pucuk pimpinan. Tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-ahli Pembangkang dengan isu yang ada sekarang ini, tidak ada harapan hendak menang dalam pilihan raya yang akan datang.

Jadi, Yang Berhormat kalau hendak pilih perbandingan biarlah sesuai. Misalnya Ahli Yang Berhormat dari Puchong dengan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang. Itu memang sama kedudukannya. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Dia benarkan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati dengan perbandingan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau kita menggunakan kriteria yang dikatakan tadi sebagai satu perbandingan, apakah pula kelayakan menantu kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri? Di mana dia bukan berkelulusan ekonomi, dia seorang peguam dan bukan ahli Lembaga Pengarah. Apakah kelayakannya? Kalau kita mengikut kriteria Yang Berhormat dari Kota Setar, mengapa dia boleh dapat 1.5 juta saham Leader, hampir 5 juta saham FACB di mana dia telah meraih keuntungan RM30 juta? Minta penjelasan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, potong injury time. Jadi, soalan itu akan dijawab oleh Menteri Perdagangan Industri dan Antarabangsa. *(Ketawa)* Saya tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada banyak lagi ini. *(Ketawa)* Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan menjawab. Kita ada Menteri-menteri, dan saya bukan menteri untuk menjawab. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada pemimpin PAS pula. *(Ketawa)* Baik kepada pemimpin PAS, beliau banyak menyentuh dengan Kementerian Pelancongan, menyalahkan kita bahawa kita buat banyak hotel. Lepas itu, bila pelancong-pelancong luar datang, kita tidak mensyaratkan pelancong-pelancong luar itu makan nasi dagang. Kita tidak suruh pelancong luar itu makan keropok. Dia suruh bila? Saya tidak tahulah sama ada di Kelantan telah dilaksanakan program ini. Bila pelancong luar datang dari England, kita tetapkan syaratnya. Awak datang ke negara ini, pertama sekali awak mesti makan nasi dagang. Awak mesti makan satay, makan nasi dan jangan makan makanan di negara awak. Ini disyaratkan kepada mereka — siapa hendak mari macam ini? Mana ada pelancong luar hendak mari kalau kita tetapkan syarat mandi jangan telanjang, dalam bilik mandi pun jangan telanjang. Di pantai-pantai di Kuantan, jangan pakai swimming trunk. Kita letakkan begitu syarat, siapa hendak hadir. Siapa hendak mari melancong ke negara ini?

Kita buat hotel, lepas itu kita beri penerapannya nilai Islam kepada anak bangsa kita. Tengoklah macam mana jin pun, dia tidak akan ikut. Ini yang kita akan buat. Kita tidak boleh tahan orang, mudah-mudahan bila pelancong datang

sudah tengok masyarakat kita begitu bersopan-santun, dia sendiri akan malu hendak buat. Ini yang kita akan latih masyarakat kita. Kita tidak boleh letakkan syarat begitu ketat. Bila mari, mesti tidak boleh makan burger. Tidak boleh makan steak, kena makan keropok lekor. Ini kalau hak di Marang punya. *(Ketawa)* Ini semua kita tidak boleh. Lepas itu, bila buat hotel tidak boleh terbang pokok. Tolong hadir di Langkawi. Saya baru balik dari Langkawi, Hotel Gates. Dia buat hotel itu, terbang pokok ikut saiz itu, tinggal pokok-pokok yang besar, sila datang. Lepas itu, Yang Berhormat dari Marang menuduh kata di Langkawi, anak-anak sekolah pun mabuk. Saya baru balik. Itu adalah satu fitnah.

Saya rasa dukacita kerana seorang pemimpin parti yang nama parti Islam membuat fitnah yang begitu dahsyat. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri, ucap tahniah kepada polis, ucap tahniah kepada Ashaari, bekas pemimpin Al-Arqam kerana berani bertaubat di khalayak orang ramai. Mana ada manusia — ini beberapa banyak sudah buat fitnah — tuduh orang UMNO kafir, imam UMNO tidak boleh sembahyang. Orang UMNO mati, jangan hadir. UMNO tidak percaya kepada Quran. Macam-macam lagi tuduh. Lagi dosa besar dia. Ini perlu bertaubat di khalayak ramai.

Saya mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin yang buat tohmah, tambahan pula di kawasan saya ada, Yang Berhormat pun ada di depan. Pergi ke kawasan saya, dia kata saya anti-hudud. Tuan Yang di-Pertua pun biasa dengar saya berucap di sini, menyeru pemimpin-pemimpin UMNO supaya jangan menentang hudud sebab hudud adalah hukum Al-Quran. Hukum Allah.

kita tidak tentang. Tetapi apa yang PAS buat itu, Akta Jenayah Syariah II yang banyak bila kita melaksanakan, barangkali kita tidak dapat melaksanakan dengan adil. Ini kita tentang. Kita tidak tentang hudud. Saya berucap berapa kali dalam Parlimen ini dan dia pergi ke kawasan saya, dia kata ini. Dalam Malaysia ini, Perdana Menteri menentang hudud, nombor dua, Wakil Rakyat tuan-tuan. Ini ada depan saya. Bacok. *(Ketawa)* Dia buat fitnah tetapi saya mintalah, ikutlah Ashaari Mohamed. Bertaubat depan khalayak ramai. Pergi kawasan, ikut Ashaari. Saya puji Ashaari, bukan senang manusia bertaubat depan orang ramai ini. Jadi, saya harap pemimpin-pemimpin PAS yang banyak buat tohmah itu, terutama sekali kawasan-kawasan — kalau hendak cakap di Parlimen memang kita sedia. Ini demokrasi carana tidak demokrasi lagi? Orang boleh bangkit, maki menteri macam-macam kepada menteri belum ada demokrasi lagi, saya tidak tahulah. Boleh maki.

Suatu hari, Yang Berhormat dari Jelutong boleh maki Timbalan Perdana Menteri. Yang Berhormat dari Jelutong. Jelutong dan lutong kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita tersalah sedikit. Jelutong itu pokok. Lutong itu hak lain. Yang muka putih, di depan sebab itu saya tersilap. Sebab lutong, ia duduk atas pokok jelutong. *(Ketawa)* Selalu saya silap itu. Macam kucing dengan Bandar Kuching. Kadang-kadang kita panggil “kucing”, dia marah. *(Ketawa)*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri, kalau ISA itu perlu diperketatkan lagilah. Sebab mereka ini tidak ambil peluang demokrasi yang kita beri, depa menggunakan kesempatan ini untuk menghasut rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali *Harakah*. Apa yang beliau berucap, keluar tiap-tiap perkataan. Beliau berkata surat khabar kita tidak pernah menyiar. Tetapi mereka menyiarkan tiap-tiap perkataan apa yang dibaca di sini itulah dikeluarkan dan masih terjual di kedai.

Saya minta Kementerian Dalam Negeri ambil tindakan ini sebab itu ada tercetak “untuk ahli-ahli sahaja”. Tetapi “*Harakah*” masih dijual, di Alor Setar pun ada dijual di kedai-kedai surat khabar. Saya minta supaya kerajaan ambil tindakan perkara ini. Satu lagi saya minta, kalau mereka kata tidak ada demokrasi dalam negara ini, mengapa seorang yang bankrap pun boleh menulis surat terbuka. Saya minta Kementerian Kehakiman. Minta Kementerian Kehakiman menggubal satu akta, satu undang-undang supaya orang-orang yang menulis surat terbuka ini mesti ada sandarannya, mesti ada hartanya supaya orang yang kena tuduh ini boleh mengambil tindakan jika tidak benar. Ini, seorang bankrap, hendak apa yang hendak di“sue”. Mereka Pembangkang suruh Menteri Besar Kedah sue penulis tu? Kawan tu bukan ada apa! Dulu, pernah beliau di“sue” dan kalah di dalam perbicaraan sehingga sekarang denda RM46,000 tidak boleh dibayar. Sekarang dia tulis surat terbuka lagi! Dia tahu surat terbuka free. Siapapun boleh tulis!

Saya minta Menteri Kehakiman, bila seseorang hendak tulis surat terbuka. Surat terbuka mesti mengaku mempunyai harta atau wang. Kalau hendak sue, sila. Ini dia kata tidak ada duit, dia suruh kita sue. Hendak sue apa?

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Menteri Kehakiman meneliti perkara ini supaya tidak ada surat terbuka yang berleluasa. Saya minta supaya Kementerian Kehakiman mencari se-

suatu jalan supaya masyarakat di Malaysia ini tidak dapat menulis surat terbuka dengan sewenang-wenangnya. Tidak ada wang pun boleh menulis. Boleh fitnah Menteri itu rasuah, Ketua Menteri rasuah, sebab free. Paling teruk pergi ke mahkamah kalau kena hukum RM50,000 tidak payah bayar "declare" bankrapsi. Itu sahaja.

Saya berharap bahawa perkara ini, kita akan dapat supaya atasi untuk membendung perbuatan ini dan tidak menjadi satu budaya "surat terbuka".

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya minta dalam Budget yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang begitu banyak akan memberi kebaikan kepada masyarakat kita tetapi saya mintalah supaya semua projek-projek yang akan dilaksanakan itu akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Sebab kita tahu yang dahulu itu baik tetapi kita hendak lebih baik lagi supaya tidak menjadi buah mulut ataupun isu kepada parti Pembangkang. Sebab saya tahu bahawa banyak lagi projek-projek seperti di kawasan saya, jalan masih tanah merah yang perlu di "crush-run". Orang Kedah kata, "kasyran" tetapi bahasa yang sebenarnya "crush-run". Lepas crush-run ia ada semi-graut, lepas semi-graut, mini-tar. Jadi, masih banyak yang belum dimini tar. Oleh itu, saya harap supaya peruntukan yang begitu banyak itu benar-benar pergi kepada rakyat, pembangunan untuk rakyat. Kita tidak mahu pembangunan yang begitu besar, peruntukan yang begitu besar, yang senyumnya kontraktor-kontraktor yang besar.

Jadi, ini saya minta Menteri Kewangan mengambil perhatian dalam perkara ini supaya peruntukan itu benar-benar sampai kepada rakyat. Kita tidak

mahu jalan dibuat mini tar, mini tar elok selesai, steam roller belum keluar, jalan sudah relai — ini berlaku dalam kawasan saya. Ini kita tidak bolehlah hendak menyalahkan kerajaan seperti pembangkang. Kadang-kadang banyak lagi yang perlu diperbaiki, kita tidak mempunyai cermin ajaib ataupun kita tidak mempunyai lampu ajaib. Oleh itu, saya mengharapkan supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan mengambil perhatian perkara ini supaya segala projek-projek itu seperti yang saya dengar tadi, Timbalan Menteri Belia dan Sukan menyatakan sebanyak RM280 juta untuk Program Rakan Muda, hendaklah sampai ke matlamatnya supaya rakan-rakan muda, anak-anak kita, adik-adik kita itu dapat faedah daripada peruntukan yang besar itu. Kita tidak mahu peruntukan yang besar sebanyak RM280 juta yang dapat itu sedikit sangat.

Jadi, kita tidak mahu, misalnya peruntukan ASB, sampai kepada orang yang tidak layak mendapat ASB, ASN ataupun PPRT. Kita hendak lihat supaya perkara-perkara ini benar-benar sampai kepada rakyat, sebab saya juga sebagai Wakil Rakyat, hendak melihat supaya segala peruntukan ini, kita dapat melaksanakan dengan adil dan kita tidak mahu isu-isu akan timbul daripada niat kita yang baik. Nawaitu kita baik, kadang-kadang pelaksanaannya ada terdapat di mana-mana kesilapan, jadi perkara yang tidak baik akan menjadi isu kepada Pembangkang.

Di dalam Budget ini, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana Budget yang begitu rupa, yang benar-benar memikirkan, yang benar-benar prihatin terhadap semua lapisan masya-

rakat. Sebab itu saya tengok ramai pemimpin-pemimpin Pembangkang pun 'melengung' hendak bercakap pun susah, sebab tidak ada apa hendak bercakap. Kalau ada pun dia bangkitlah kisah MAIKA Holdings, kisah Rahim Tamby Chik atau isu yang lama-lama. Oleh sebab Budget yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan itu begitu baik, saya percaya kita akan dapat melaksanakan untuk kepentingan masyarakat kita, mudah-mudahan dengan Budget yang serupa itu, kita dapat membinakan masyarakat kita untuk menuju Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kangar.

4.05 ptg.

Tuan Haji Ishak bin Arshad (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 28hb yang lalu.

Kejayaan kita mempersembahkan satu Belanjawan berimbang sejak 3 tahun berturut-turut adalah satu petanda tentang kecekapan pengurusan dan pengawalan ekonomi negara yang tidak boleh dinafikan. Begitu juga kemampuan kita mempertahankan rekod kadar pertumbuhan ekonomi 8% setahun selama 7 tahun berturut-turut memperkuhkan dakwaan tersebut.

Penghargaan dan pujian terhadap kemantapan ekonomi yang cemerlang harus diberi kepada semua rakyat Malaysia yang sanggup dan bersedia menerima perubahan-perubahan dan

saranan-saranan ekonomi kerajaan, tetapi juga kepada pegawai-pegawai kerajaan yang dedikasi serta penglibatan yang menyeluruh di pihak swasta. Tidaklah berlebihan jika rakyat terutamanya di kampung-kampung atau di kawasan-kawasan luar bandar, atas kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi negara hari ini, menyampaikan rasa ucapan terima kasih mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mereka kasihi, kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang berwibawa dan juga kepada seluruh pegawai-pegawai kerajaan yang setia, kepada pemimpin-pemimpin kerajaan, yang tidak jemu-jemu berfikir dan mencari jalan untuk mempertahankan dan memajukan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyampaikan sebahagian dari perasaan tersebut mewakili kawasan saya. Selepas sahaja dari Belanjawan ini dibentangkan, keseluruhan rakyat menyambutnya dengan perasaan lega dan lapang, tidak ada dalam Belanjawan ini yang menyentuh rakyat bawahan terutamanya dari segi bebanan kepada mereka. Pengecualian cukai dan pengurangan yang banyak adalah unsur-unsur yang dialu-alukan, bahkan janji-janji tentang bonus yang akan dijelaskan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini, tentulah akan membantu melegakan mereka yang mempunyai anak yang akan bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa sejak dari dahulu lagi, pihak Pembangkang akan melihat Belanjawan ini dari sudut-sudut kekurangan-kekurangannya. Seperti yang diduga Belanjawan ini dituduh sebagai Belanjawan pilihan raya, iaitu satu tuduhan yang akan dilemparkan kepada semua Belanjawan, jika pilihan raya itu berlaku tiap-tiap tahun. Selepas daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, jika kita meneliti ucapan-

ucapan mereka keseluruhannya, ianya dipenuhi dengan angka-angka dan kenyataan-kenyataan yang membawa rasa kekecewaan terhadap prestasi yang negatif oleh kerajaan. Dan akhir sekali apabila kita meneliti ucapan-ucapan mereka lagi seolah-olah terasa bahawa kita hidup dalam sebuah negara yang tidak mempunyai harapan dan kejayaan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperingatkan pihak kerajaan supaya berhati-hati dengan segala tuntutan dan desakan yang dilakukan oleh pihak Pembangkang. Mereka mungkin menjadi juara dalam membuat tuntutan dan desakan atas satu-satu perubahan, atas nama demokrasi, tetapi mereka tidak akan dan tidak mampu untuk bertanggungjawab atas sebarang perubahan yang jika berlaku terutamanya jika ianya membawa kemudaratan, kerajaanlah yang terpaksa memikulnya. Selepas daripada itu kerajaan akan dipersalahkan lagi kerana tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bimbang terutama sejak akhir-akhir ini bagaimana dengan mudahnya seseorang pemimpin kerajaan terdedah kepada tindakan-tindakan yang boleh menjatuhkannya. Apakah ini atas nama pendemokrasian atau kebebasan sebenar media-media massa? Bukan sahaja pemimpin, bahkan sesiapa sahaja yang rapat dengan pemimpin tersebut menghadapi risiko untuk difitnah. Lebih buruk daripada itu kemungkinan kaum keluarga pemimpin yang berkenaan mempunyai peluang yang terbatas untuk maju dan berjaya dalam bidang tertentu seperti dalam bidang ekonomi, kerana jika mereka berjaya kejayaan itu akan dikaitkan dengan personaliti tertentu. Tentulah kita bukan hidup dalam sebuah negara yang menganggap malang kepada mana-mana keluarga yang mempunyai sanak-saudara di kalangan pemimpin utama kerana hak mereka untuk maju seperti orang lain akan dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kecenderungan yang mudah untuk menjatuhkan seseorang pemimpin akhir-akhir ini ialah dengan mengaitkannya dengan skandal-skandal penting, tuduhan rasuah sudah menjadi perkara yang lumrah. Perkataan-perkataan yang biasa ialah 'salahguna kuasa', tuduhan-tuduhan lain seperti 'ditangkap basah, berkhalwat' dan sebagainya. Lain-lain tindakan yang boleh memburukkan pemimpin ialah seperti minta disiasat kekayaan ahli keluarganya atau dirinya atau sahabat yang rapat dengannya. Selepas daripada itu jika didapati tidak benar tuduhan-tuduhan tersebut bolehlah diminta maaf secara terbuka seperti 'saya minta maaf kepada beliau dan keluarga beliau'. Ini amat mudah sekali bagi yang membuat tuduhan, tetapi kepada yang menerima tuduhan kesannya amat berat. Namanya sudah dicemari, keyakinan dan kepercayaan terjejas di kalangan orang ramai bahkan akan ada yang menganggap kejayaannya membersihkan dirinya kerana tindakan pihak tertentu khasnya kerajaan. Jadi, kemungkinan seluruh hidup pemimpin itu tercemar dari segi pandangan orang ramai manakala yang membuat tuduhan terlepas begitu sahaja, dan bersedia mencari tokoh-tokoh lain untuk menjadi mangsa yang berikut. Kita patut ingat bahawa bukan semua orang bersedia untuk membawa semua kes ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kerajaan untuk terus mempertahankan dasar, kebebasan media massa terutama akhbar seperti apa yang kita ada hari ini. Saya percaya kita telah memberi ruang yang cukup dari segi kebebasan kepada pendemokrasian maklumat. Kebebasan melampau adalah merbahaya terutama sekali apabila rakyat diracuni dengan unsur-unsur negatif dan dakyah sehinggakan ianya menjadi sebatik kepada mereka. Pada ketika itu unsur-unsur kebenaran sudah tidak menjadi perhitungan lagi.

Kita tidak sanggup seperti mana yang berlaku di Barat di mana rakyat bukan penentu kepada sebuah kerajaan, tetapi media massa lebih berpengaruh dalam kenaikan dan kejatuhan sebuah kerajaan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah menyaksikan walau bagaimana rapat umum politik tidak dibenarkan, tetapi dalam menganjurkan siri-siri ceramah politik, kehadiran orang ramai dalam perjumpaan ceramah politik yang dianjurkan oleh pihak Pembangkang kadang-kadang menyamai atau lebih daripada satu rapat umum. Dalam perjumpaan-perjumpaan tersebut segala keburukan kerajaan termasuk tokoh-tokoh tertentu diperdedahkan. Ini diperkukuhkan lagi melalui siaran akhbar parti berkenaan yang rata-rata isunya tidak ada lain, kecuali keburukan dan kelemahan pemimpin dan kerajaan yang terlibat. Lebih daripada itu, akhbar parti yang berkenaan bebas dibeli dan dimiliki oleh orang ramai seperti akhbar-akhbar harian yang lain tanpa sekatan. Apakah ini juga masih memperlihatkan tidak ada kebebasan berpolitik dan bersuara seperti yang didakwa oleh segolongan mereka ini. Apakah takrif kebebasan itu hanya setelah kita melihat mayat-mayat bergelimpangan, rumah-rumah dibakar, harta-benda dimusnahkan dan semua kita hidup dalam suasana ketakutan dan kebimbangan di antara satu sama lain? Adakah pada ketika itu baru kita akan berpuas hati bahawa rakyat dan negara telah diberi kebebasan dan pendemokrasian sebenarnya?

Saya menyeru kepada kerajaan agar terus mempertahankan dan menghormati hak dan kebebasan rakyat terutama dalam konteks masyarakat majmuk seperti di negara ini selagi ianya tidak menggugat keamanan, kestabilan dan keharmonian hidup rakyat keseluruhannya. Kerana rakyat keseluruhannya menagkui kehidupan yang penuh dengan

kedamaian seperti apa yang kita nikmati hari ini tidak akan diprolchi jika sekiranya kebebasan hak bersuara atau kebebasan bertindak diberi sebeb-bebasnya seperti mana yang dituntut oleh sesetengah pihak. Sesungguhnya peristiwa 13 Mei, 1969 adalah satu pengalaman yang amat bernilai tetapi malangnya peristiwa tersebut amat mudah dilupai oleh sebahagian daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas kemampuan kerajaan dalam mengambil tindakan terhadap ajaran sesat di negara ini. Sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi tindakan tersebut amatlah bertepatan. Tuduhan-tuduhan yang menganggap bahawa kerajaan menindas sebarang kegiatan dakwah di sini adalah tidak benar. Ada juga yang menuduh, kononnya di negara lain seperti setengah negara-negara jiran kegiatan dakwah dan perkembangan agama Islam lebih berjaya akibat sokongan dari pemerintahnya. Kewajipan kepada pemimpin Kerajaan Malaysia hari ini bukanlah hanya satu kelebihan kerana mereka itu beragama Islam tetapi perpecahan yang berlaku di seluruh dunia Islam yang berakibat dari dasar "pecah dan perintah" yang dimainkan oleh musuh-musuh Islam secara halus dari segi ekonomi dan politik menjadi tanggungjawab kita untuk menentukan bahawa perpecahan umat Islam dari segi akidah dan kepercayaan tidak akan menjadikan kita senasib dengan mereka.

Adalah amat dikesalkan akibat ketaksuban dan kejumudan kerana dakyah setengah pemimpin-pemimpin politik sebahagian daripada orang Islam cuba memisahkan diri mereka dengan orang Islam yang lain seolah-olah mereka adalah orang Islam kelas pertama. Kerajaan harus mengambil satu pendekatan ter-

utama supaya perkara ini tidak merebak. Saya juga meminta kepada kerajaan supaya tidak lagi bertolak-ansur jika ada pegawai-pegawai kerajaan yang memainkan peranan tersebut kerana kedudukan mereka tidak membolehkan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, satu bentuk baru yang telah mula meresapi pemikiran rakyat kita dari segi penguasaan dan pemilikan harta ialah pemilikan saham, iaitu memiliki saham sama atau lebih baik daripada memiliki dan menyimpan geran tanah, rumah atau simpanan wang. Akibat dari keadaan tersebut, sebahagian daripada kita bukan sahaja mempunyai pemilikan sijil-sijil ASN/ASB, amanah saham-saham yang lain bahkan mereka berebut-rebut untuk memiliki sijil-sijil saham negeri-negeri yang berkenaan. Bahkan lebih daripada itu, hari ini ada institusi-institusi lain seperti bank-bank bercadang untuk mengeluarkan amanah saham mereka sendiri. Kesedaran ini adalah kejayaan besar kerajaan terutama dalam empat, lima tahun kebelakangan ini bagi menyedarkan rakyat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar untuk turut sama melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang mencabar di mana sebelum ini pasaran saham hanya menjadi medan tuntunan bagi rakyat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin meminta penjelasan dan pendirian kementerian berhubung dengan tumbuhnya pusat-pusat pasaran seperti Forex secara kecil-kecilan, terutama di Kuala Lumpur dan pasaran komoditi barangan termasuk pasaran emas yang berselerak di sana sini. Penjelasan ini akan membolehkan satu pendirian dibuat oleh kerajaan dari segi pengawalan bagi mengelakkan berlakunya penipuan dan penyelewengan. Walau bagaimanapun, sebagai Wakil

Rakyat biasa yang hidup bergantung pada pendapatan bulanan semata-mata, pendedahan yang dibuat oleh kerajaan melalui kementerian yang berkenaan baru-baru ini tentang pemberian saham-saham percuma kepada individu-individu bumiputera yang dipilih dengan sejumlah unit yang besar tentulah akan membuka mata ramai orang. Dengan tidak ada perasaan irihati atau dengki, saya inginlah menasihatkan kerajaan supaya berhati-hati agar dalam proses pemberian tersebut ianya dijalankan dengan adil dan saksama supaya matlamat pemberian tersebut adalah selaras dengan hasrat dan cita-cita kerajaan untuk melihat lebih ramai bumiputera memiliki saham dan menguasai ekonomi negara. Hanya mereka yang berkelayakan yang patut memperolehnya dan bukannya nanti tuduhan yang akan dilemparkan ialah atas asas perhubungan peribadi dengan tokoh-tokoh tertentu.

Saya juga amat bersetuju dengan kenyataan Menteri Kewangan bahawa kekayaan ekonomi negara bukanlah hanya untuk golongan orang tertentu. Tetapi saya juga ingin menambah, bukan hanya untuk beberapa golongan tertentu tetapi untuk rakyat Malaysia yang layak dan berhak memperolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tentang pengurangan pendapatan daripada pelaburan Tabung Insuran Nyawa dan Takaful. Walaupun insuran masih menjadi satu perkara yang baru kepada rakyat terutama di luar bandar, saya mendapat aduan daripada pemegang-pemegang polisi insurans terutama dari luar bandar yang tidak berpuas hati terhadap tuntutan-tuntutan yang mereka perolehi selepas satu-satu kemalangan berlaku. Bukan sahaja mereka dibayar dengan jumlah yang amat kecil tetapi juga syarat-syarat yang dikenakan amat

menyusahkan mereka. Perkara-perkara seperti itu menyebabkan mereka malas untuk membuat tuntutan. Penerangan-penerangan yang diberi semasa mereka ingin membeli insurans tentulah tidak termasuk syarat-syarat tertentu yang menyulitkan mereka kemudiannya. Apakah tidak mungkin satu syarat yang seragam dijadikan ukuran kepada semua syarikat insurans di negara ini. Ini untuk mengelakkan daripada berlakunya penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pengecualian dan pengurangan cukai terhadap 2,600 barangan. Selepas daripada ini satu penguatkuasaan perlulah segera dilakukan untuk memastikan peniaga-peniaga mematuhi penurunan harga kerana biasanya ini amat lambat dilakukan oleh peniaga yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada kerajaan terutama atas kejayaan kita menubuhkan beberapa tabung tertentu dalam usaha untuk membantu rakyat terutama rakyat yang berpendapatan rendah, misalnya tabung makanan dan sebagainya.

Hospital di luar bandar pada penglihatan saya masih lagi menghadapi masalah kekurangan tenaga pakar dan peralatan. Tetapi di sinilah rakyat tertumpu untuk mendapatkan rawatan yang sebaik-baiknya. Kekurangan-kekurangan tersebut menyebabkan ada kes-kes yang mana pesakit-pesakit tidak dapat dikesan penyakitnya di peringkat awal kecuali di peringkat yang agak serius barulah pesakit-pesakit tersebut terpaksa dihantar ke hospital-hospital lain untuk mendapatkan rawatan selanjutnya, terutama sekali ke Kuala Lumpur. Kadang-kadang pesakit telah

dimaklumkan untuk dicadangkan untuk mendapat rawatan lanjut di luar negara. Apakah tidak mungkin sebuah tabung kesihatan dibuat bagi mengelakkan pembaziran masa dan kerja untuk membantu rakyat yang kesempitan bagi mendapatkan rawatan lanjut dalam atau luar negara. Kemudahan ini akan menyebabkan rakyat merasa amat ringan bebanan terutama diri pesakit dan keluarga yang terpaksa menanggung berbagai kesulitan terutama jika rawatan itu memerlukan pembiayaan yang banyak. Lebih-lebih lagi kehilangan punca pendapatan kepada keluarga yang terpaksa menjaga pesakit tersebut. Tepatlah pendapat umum yang menganggap "konsep masyarakat penyayang adalah lahir daripada pemimpin yang amat prihatin dan peka kepada rakyatnya" seperti mana yang terbukti dalam kisah-kisah pemimpin-pemimpin agung terutama dalam pemerintahan Khulafa Ar-Rashidin yang mempunyai sifat-sifat yang mulia dan terpuji ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut kita banggakan ialah tercetusnya kesedaran di kalangan setengah rakyat terutama golongan muda kepada kegiatan riadah dan kesukanan. Sehingga tahun-tahun 60-an dan 70-an lalu sekolah-sekolah terutama di luar bandar menjadi pusat dan tumpuan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sukan dan sebagainya. Tetapi perkembangan dan perubahan pendidikan yang pesat telah menyebabkan kemudahan-kemudahan riadah dan sukan di sekolah-sekolah hanya terbatas kepada pelajar-pelajar sahaja manakala kemudahan-kemudahan sukan yang disediakan oleh pihak Kementerian di negeri-negeri tidak mencukupi bagi menampung permintaan di kalangan orang ramai di luar bandar. Setengah kemudahan tersebut terletak amat jauh.

Saya mencadangkan agar pihak swasta diberi pelepasan-pelepasan tertentu bagi membolehkan mereka mempergunakan sebahagian daripada keuntungan syarikat mereka bagi membina kemudahan-kemudahan sukan di kampung-kampung supaya dapat membantu mengurangkan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih atas peruntukan yang diberi terhadap usaha-usaha memperlengkapkan perpustakaan-perpustakaan di negara ini. Kita sedar rakyat yang maju ialah rakyat yang rajin membaca. Dalam peruntukan sebanyak RM84.2 itu, penumpuan hanya diberi kepada perpustakaan sekolah dan negeri. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan patut mula memberi penekanan terhadap penubuhan bilik-bilik bacaan di kampung-kampung dan menyediakan kemudahan-kemudahan alat bacaan di bilik-bilik bacaan tersebut. Ini untuk membantu kepada kecenderungan dan minat terhadap penggunaan perpustakaan kelak. Dalam Belanjawan pada tahun yang lepas galakan diberi kepada pihak swasta yang membantu ke arah kewujudan tempat-tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas saya ingin menyentuh sedikit-sebanyak berhubung dengan industri pelancongan yang sudah mengambil tempat sebagai sumber industri yang penting di negara ini. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sejak kempen melawat Malaysia dianjurkan, jumlah pelancong yang datang ke negara ini berlipat kali ganda. Lebih membanggakan ialah apabila negara ini telah dipilih sebagai destinasi utama jika dibandingkan dengan negara jiran yang dahulunya menguasai bidang ini. Politik yang stabil, kecantikan semula jadi, di samping sifat ramah-tamah rakyat adalah unsur yang menarik untuk pelancong

melawat ke sini. Negara ini tidak harus dijadikan sebagai sumber tarikan seks kepada pelancong untuk datang ke sini. Negara Thai yang dahulunya amat terkenal dalam bidang ini sekarang sedang bermati-matian untuk menghakik pandangan tersebut. Saya mencadangkan agar kementerian menubuhkan satu badan penguatkuasaan untuk memastikan sebarang aduan dari pelancong-pelancong terhadap penipuan dan penyalahgunaan

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bolehkah sedikit sahaja, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Member tak mengapa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, baru-baru ini Ahli Yang Berhormat dari Marang telah berucap dengan panjang lebar menuduh bahawa pelancongan lebih membawa unsur-unsur negatif kepada negara. Nombor satu. Yang keduanya, dia telah menyatakan bahawa pelancongan ini sebenarnya tidak mendatangkan keuntungan kepada kerajaan. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Menteri yang berkenaan akan jawab. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: terhadap penipuan dan penyalahgunaan dari syarikat-syarikat atau badan pelancongan terhadap pelancong diambil tindakan segera.

Begitu juga aduan dari pelancong kepada mana-mana pihak rakyat yang bertindak kepada pelancong yang boleh menjejaskan imej negara di mata dunia luar akan segera diatasi. Ini untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang penipuan atau usaha mengambil kesempatan di luar batasan oleh se golongan orang ramai yang tidak bertanggungjawab kepada pelancong yang melawat negara ini akan dapat dihindarkan.

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan supaya mengambil usaha yang bersungguh-sungguh untuk memajukan kawasan-kawasan baru sebagai tempat pelancongan. Keutamaan haruslah diberi kepada negeri-negeri yang belum maju dalam bidang ini, bukan sahaja kos yang rendah di negeri tersebut akan menjadi faktor penarik, bahkan kedudukan alam semula jadi yang masih belum tercemar serta kehidupan rakyat tradisi yang masih dipertahankan akan menjadi dorongan utama kepada industri pelancongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, inginlah saya menyampaikan perasaan yang tidak puas hati rakyat terhadap pengambilan tanah-tanah mereka untuk satu projek pembangunan. Tidak dapat dinafikan pembangunan yang pesat di negara ini memerlukan tanah sebagai tempatnya. Kerajaan menggunakan kuasa yang ada mengambil tanah rakyat untuk tujuan tersebut. Dalam usaha pengam-

bilan tanah ini, kerajaan haruslah membuat pertimbangan yang berbeza bagi satu pengambilan tanah untuk projek sosial dan projek komersial. Masalah tanah adalah hak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya sukalah mencadangkan agar Kerajaan Pusat mengambil persendirian menasihati Kerajaan Negeri dalam menentukan pembayaran yang dibuat kepada rakyat yang tanahnya diambil dibuat dengan berhati-hati. Ini untuk mengelakkan agar rakyat yang terlibat tidak merasa teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Mertajam.

4.24 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan tahun 1995, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyebut berkenaan dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara kita terus-menerus mencapai 8% lebih selama 7 tahun. Saya tidak mahu mempertikaikan tentang angka ini. Sebaliknya saya pun berasa bangga oleh kerana negara kita dapat mencapai kejayaan begitu cemerlang. Walau bagaimanapun, saya berharaplah pihak kerajaan khususnya Barisan Nasional tak payah menggunakan isu ini untuk memancing undi dalam pilihan raya yang akan datang. Oleh kerana kalau kejayaan ini adalah oleh kerana kejayaan Barisan Nasional, mungkin kita boleh tanya dalam tahun 1980-an selepas pilihan raya tahun 1982 semasa Barisan Nasional mendapat kemenangan yang besar sekali, mengapa pada masa itu ekonomi negara kita merosot? Inilah menunjukkan bahawa

pertumbuhan ekonomi negara bukanlah semata-mata oleh kerana kejayaan sebuah kerajaan. Oleh kerana itu, kalau Barisan Nasional ingin menggunakan isu ini sebagai satu isu untuk memancing undi, mungkin satu weapon, dengan izin, kita boleh gunakan iaitu apabila Barisan Nasional makin kuat, ekonomi negara makin merosot. Itu satu bukti dalam pilihan raya umum 1982. Oleh kerana itu, saya berharaplah isu itu tidak payahlah digunakan oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cukai, khasnya cukai pendapatan. Saya mengalu-alukan bahawa pelepasan cukai pendapatan bagi perseorangan telah dikurangkan atau rebatnya telah ditinggikan, iaitu bagi diri sendiri dari amaun RM90.00 telah ditambah kepada RM110.00 dan bagi isteri dari RM50.00 sampai RM60.00. Ini memang satu langkah kita boleh mengalu-alukan. Tetapi, di sini saya rasa sedikit kesal oleh kerana Menteri Kewangan tidak ada fikir berkenaan dengan — tujuan kita mahu mencapai satu masyarakat yang penyayang, iaitu kita patut mahu menanggung kehidupan ibu bapa kita. Di sini kita tidak ada sebarang pelepasan bagi orang yang ada bertanggungjawab kepada kehidupan ibu bapanya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan supaya pelepasan cukai pendapatan boleh sampai kepada ibu bapa, iaitu sekiranya seorang anak mahu bertanggungjawab dengan kehidupan ibu bapa mereka, maka mereka boleh mendapat pelepasan untuk satu amaun yang berpatutan. Berkenaan dengan pelepasan anak-anak yang kita tanggung kehidupannya juga, sungguhpun had bilangan anak telah tidak dihadkan, iaitu bukan hanya 5 orang sahaja, pada pendapat saya, bukankah

lebih baik sekiranya kita boleh menambahkan pelepasan dari RM800 kepada RM1,500 bagi seorang anak. Oleh kerana pada masa sekarang, kalau seorang anak belanja satu tahun saya ingat kalau RM800, adalah tidak cukup untuk perbelanjaan anak kita. Jadi, lebih baik kalau kita boleh tambah amaun pelepasan dan bukan hanya melepaskan had bilangan anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berada di Dewan yang mulia ini lebih kurang 20 tahun dan pada pendapat saya, mungkin sudah sampai masanya untuk mengkaji sistem urusan atau sistem operasi Parlimen kita. Oleh kerana pada masa sekarang bilangan Ahli Parlimen kita telah bertambah dan masa untuk kita berbahas adalah terhad. Saya nampak ramai rakan-rakan saya, termasuk pihak Pembangkang mahupun pihak pemerintah, hendak cakap pun susah kerana tidak ada masa dan dihadkan kepada 20 minit sahaja. Mana cukup? Oleh kerana itu mungkin sudah sampai masa untuk kita mengkaji dan mengemukakan satu cadangan supaya satu sistem yang lebih berkesan untuk memberi lebih peluang ramai ahli-ahli mengambil bahagian, oleh kerana kita semua adalah Wakil Rakyat dan kita datang ke sini bukan untuk panaskan kerusi sahaja, kita juga mahu berucap. (*Tepuk*). Itulah satu perkara yang saya ingat sangat penting dan saya juga berasa ramai Ahli-ahli bersetuju dengan saya.

Berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan jawab mulut juga, sekarang kita telah hadkan di mana setiap kali kita hanya boleh menghantar 20 pertanyaan mulut sahaja, dan dalam 20 pertanyaan itu, mungkin dalam sesuatu mesyuarat itu hanya dapat diberi jawab mulut hanya satu atau dua sahaja, kebanyakan yang lain dijawab secara bertulis. Saya

ingat itu tidak adil. Oleh kerana itu, ada juga pihak kerajaan sengaja mahu menggunakan masa itu dan memberi jawapan bertulis yang tidak tepat dan tidak memenuhi apa yang kita mahu.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh, misalnya, saya bertanya satu perkara berkenaan dengan nama-nama 21 orang awam, selain daripada Tan Sri Eric Chia yang memegang pasport diplomatik dan sebab-musabab mereka layak menerimanya, tetapi jawapannya hanya 5 baris dan satu nama pun tidak diberi. Itu adalah kerana hendak menggunakan jawapan bertulis yang kita tidak dapat peluang mengemukakan soalan tambahan — satu nama pun dia tidak beri. Kalau macam ini, apa gunanya dengan “Pertanyaan-pertanyaan Jawab-Mulut”. Jadi, saya berharap perkara ini harus dikaji supaya semua Ahli Yang Berhormat mendapat maklumat yang mereka mahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sekarang yang lebih penting ialah kita mahu memulihkan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman dan pelaksanaan undang-undang dalam negara kita. Satu contoh bagaimana seorang awam telah hilang keyakinan kepada pelaksanaan undang-undang — saya boleh beri contoh, misalnya apabila akhbar Australia menyebutkan pemimpin parti Pembangkang menerima sogokan dari pihak Australia, pihak Polis cepat-cepat mahu menyiasat perkara itu, tetapi apabila surat khabar menyebut ada kepimpinan pihak kerajaan ada menerima sogokan, tetapi pihak polis diam sahaja. Kalau begitu macam mana boleh dapat keyakinan dari orang ramai?

Berkenaan dengan kes bekas Ketua Menteri Melaka dengan seorang gadis 15 tahun, mengapa latar belakang gadis itu didedahkan dan mengapa latar belakang bekas Ketua Menteri tidak didedahkan dan siapakah Peguam Negara mahu bela? Satu lagi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa suara-suara “tok dalang” di belakang itu jangan dipedulikan langsung. Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chian Heng Kai: Sudah sampai? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chian Heng Kai: Gulunglah ya. 10 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Chian Heng Kai: Ya, seperti kes dahulu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kerusi di sini, bukan di belakang, diingatkan Yang Berhormat.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, seperti kes bekas Timbalan Yang di-Pertua iaitu D.P. Vijandran, Peguam Negara macam mana boleh mengarahkan polis memusnahkan tape itu? Itu telah menghilangkan keyakinan public. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mahu minta pihak kerajaan timbang berkenaan dengan permohonan Kolej Abad Baru atau New Century College oleh Dong Jiao Zhong oleh kerana mengikut laporan, permohonan kolej ini telah diketepikan oleh kerana atas alasan kerajaan sedang mengkaji Akta Universiti dan pada pendapat saya antara perkara ini dengan mengkaji Akta, adalah lain. Oleh kerana kalau kita mahu tunggu sehingga pengkajian itu tamat, mungkin kita kena tunggu lima, enam

tahun pun belum dapat diselesaikan. Satu contoh ialah berkenaan dengan Akta Pendidikan. Akta Pendidikan dikatakan mahu kaji semula dan mungkin enam, tujuh tahun sudah lepas dan sampai hari ini tidak nampak ada sebarang Akta baru dibentangkan.

Jadi, saya berharaplah mungkin pihak MCA atau pihak GERAKAN boleh tolong Dong Jiao Zhong ini supaya permohonan Kolej Abad Baru atau New Century College itu dapat diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.44 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Belanjawan yang dikemukakan pada tahun ini dimulakan dengan falsafah-falsafah, pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli sejarah sama ada daripada negeri China ataupun di kalangan ahli-ahli fikir Islam yang terkenal seperti Imam Ghazali, Ibn Khaldun, Confucius dan lain-lain lagi.

Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan, juga Timbalan Perdana Menteri, kita nampak sepintas lalu ianya satu Belanjawan yang melegakan tetapi tidak kita bertanya kenapa soal falsafah dikemukakan pada tahun ini. Di sini Menteri Kewangan menggambarkan terhadap negara yang diterajui oleh partinya terutama menghadapi krisis akhlak, rasuah dan penyelewengan yang begitu ketara. Inilah yang dibimbangi oleh Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan beliau iaitu ke arah Malaysia hendak menuju pada masa hadapan ataupun angka-angka ekonomi itu adalah angka-angka biasa yang

dikemukakan oleh Menteri Kewangan tetapi kita kena lihat falsafah Belanjawan itu lebih membimbangi beliau. Soal kemelut politik wang, rasuah dan akhlak yang menimpa terutama sekali UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, soal ini saya tidak menyentuh panjang tetapi saya ingin bercakap soal luar terutama sekali sekarang ini Kerajaan Malaysia yang sudah terkenal di dunia sekarang ini saya harap sungguh-sungguh supaya kerajaan ini tidak terjebak dalam perangkap yang dipasang oleh kuasa besar terutama yang diterajui oleh Amerika dan Yahudi sekarang ini. Kita nampak perubahan yang berlaku di alam ini terutama di awal abad 15 Hijrah dan selepas keruntuhan komunis yang berlaku di akhir tahun 80-an dan ketara di tahun 90-an menampakkan bahawa yang muncul untuk membawa satu era baru ialah kemunculan semula tamadun Islam atau kebangkitan Islam di mana golongan Islam yang terpencil di tahun 20-an, 30-an, 40-an, 50-an muncul di tahun 70-an dan di tahun 80-an mula mereka mencapai kemenangan satu demi satu.

Kemenangan revolusi Islam Iran memang mencabar ekuilibrium dunia yang diterajui oleh dua kuasa besar di waktu itu iaitu Amerika dan Rusia. Kemudian kejayaan pihak tentera di Sudan dengan bekerjasama dengan para ulama, mengisytihar Sudan sebagai negara Islam dan menjalankan hukum Islam. Kejayaan parti pencyclamat atau Islamic Salvation Front (ISF) di Algeria dalam pilihan raya tahun 1990 memberi satu tamparan kepada demokrasi Barat bahawa golongan Islam boleh menang melalui pilihanraya. Maka kemenangan di Algeria itu amat membimbangkan terutama Amerika dan Israel sebab ekuilibrium dunia boleh bertukar. Oleh itu, mereka yang memperjuangkan

demokrasi, yang memperjuangkan hak asasi manusia sanggup menyokong junta tentera di Algeria untuk membendung golongan Islam di Algeria untuk menubuhkan negara, untuk melaksanakan Islam seterusnya untuk isytiharkan satu program baru untuk membina negara mereka.

Kemudian, di Yaman pula Parti ISLAH yang berteraskan Islam dapat membuat kejayaan besar sehingga bergabung tenaga dengan parti pemerintah. Akhirnya, mereka dapat wipe-out kekuatan yang ada di Selatan yang didukung oleh Komunis. Di Palestin pula, kita lihat pemimpin Palsetine selama ini diterajui oleh golongan yang sekular, yang tidak ada niat untuk menegakkan daulat Islam tetapi di tahun 1985/1986 muncul golongan yang dipanggil golongan HAMAS yang berjuang di atas nama jihad ke arah membebaskan Baitulmuqaddis dan sekali gus menegakkan daulah Islam. Di Lubnan, munculnya golongan Hizbullah yang mampu mencabar tentera Amerika. Pada tahun 1985, di mana Ronald Reagan sendiri mengakui bahawa golongan Hizbullah ini amat sukar dihadapi oleh tentera Amerika walaupun lengkap bersenjata. Golongan jihad di Palsetin muncul walaupun senjata yang sedikit tetapi membuat gerakan-gerakan tentera yang berjaya melawan tentera-tentera Israel.

Senario ini menyebabkan Yahudi bekerja kuat melobi pemimpin-pemimpin negara Arab dan pemimpin negara umat Islam supaya melihat golongan fundamentalis ataupun golongan Islam ini sebagai musuh bersama. Lihat pandangan Shermon Peres semasa dia berucap di Tokyo. Shermon Peres mengatakan, "Mereka yang akan mencabar New World Order yang akan menyusahkan kita ialah golongan militan Islam

atau fundamentalis Islam yang berpusat di Iran". Shermon Peres sekali lagi berucap di Turki bersama dengan Tansu Ciller, Perdana Menteri Turki mengatakan, "Marilah kita negara sekular bersatu dengan Israel dan Amerika untuk menghadapi golongan Islam yang sedang membangun juga mencabar kerajaan tuan-tuan sekarang ini".

Di atas senario inilah kita lihat Amerika bekerja begitu bersungguh-sungguh bersama dengan Israel untuk membawa negara Arab kepada perdamaian kerana Israel sendiri melihat bahawa untuk menghadapi the new era yang baru berlaku di Palestin iaitu golongan Islam yang bermula perjuangan mereka membaling batu. Mereka lihat berdasarkan kitab mereka dan berdasarkan kitab Al-Quran, mereka tahu mereka amat sukar menghadapi golongan ini sebab dalam Al-Quran disebut dengan jelas, "Golongan Allah ataupun puak Allah ataupun Hizbullah, golongan ini akan diberi kemenangan akhirnya".

Tuan Yang di-Pertua, di atas keadaan inilah usaha perdamaian dilakukan. Yasser Arafat yang mula kehilangan pengaruh di bumi Palestin setelah kepimpinannya mula diambilalih oleh golongan Islam. Yasser Arafat yang dahulunya berideologi sosialis yang pernah memberi pandangan dalam berbagai majalah, "Kalau kami diberi negara, kami akan tegakkan negara sekular. Sekali-kali kami tidak akan jadikan Palestin sebuah Islamic State ataupun Islamic Law dijalankan di negeri itu."

Beliau boleh bercakap begitu di tahun 1960-an, tetapi di tahun 1980-an, arus kebangkitan Islam di dunia ini menolak pandangan-pandangan seperti itu. Oleh itu HAMAS, yang dimulai oleh para ulama' dan ustaz-ustaz di masjid me-

niupkan semangat jihad, mula mendapat sambutan daripada rakyat Palestine itu sendiri dan juga rakyat di sekitarnya. Melihat keadaan ini, dalam satu pertemuan Simon Peres dan juga dengan Presiden Amerika, mereka berkata, "Lebih baiklah kita berbaik dengan PLO, musuh yang kita kenal, daripada kita izinkan golongan HAMAS mengambil alih dan menguasai bumi Palestine kerana ianya memberi bahaya kepada Israel dan memberi bahaya kepada seluruh kuasa dunia".

Dengan itu, usaha perdamaian diatur, maka kita lihat HAMAS yang mendapat sambutan daripada rakyat Palestine yang membuat gerakan demi gerakan mampu melancarkan mogok, hatta di dalam bumi Israel, PLO yang pusat mereka berada jauh di Tunisia, mereka merasakan sokongan kepada mereka semakin hilang. Oleh itu, mereka menerima perjanjian damai yang meletakkan PLO, sebuah autonomi, mendapat autonomi di Palestine dan kuasa mereka tidak diperolehi sebanyak mana.

Belum lagi perbincangan secara detail, mereka telah tandatangani. Sekarang Jordan pula tandatangani. Timbul pula kemarahan PLO kepada Jordan. Kemudian kita lihat pula ketika Bill Clinton melawat Timur Tengah baru-baru ini, pertemuan dengan Yasser Arafat di antaranya dia memberitahu Yasser Arafat iaitu "Kamu hendaklah bertindak lebih keras kepada rakyat kamu, HAMAS, supaya perjanjian damai dapat diteruskan". Israel pula meletakkan syarat bahawa perjanjian damai akan diteruskan kalau PLO sanggup menentang rakyatnya sendiri yang sekarang ini bangun menentang perjanjian damai.

Seperti yang kami ramalkan, saya berucap dalam Parlimen ini bahawa PLO akhirnya akan menjadi polis Israel, ia

hampir nyata sekarang ini. Israel akan mula berpeluk tubuh apabila kebangkitan Islam di bumi Palestine akan dihadapi oleh tentera-tentera atau polis PLO. Inilah nasib umat Islam di mana akhirnya kita akan lihat pertembungan antara PLO dengan HAMAS, di mana kita lihat kebangkitan ini, cuba disekat oleh Palestine sendiri di mana mereka telah terima perjanjian damai.

Negara-negara Arab memang selamanya, mereka sama berkepentingan dengan pemimpin Israel, iaitu mereka takut kepada kebangkitan Islam. Pemimpin-pemimpin negara Arab takut kepada kebangkitan Islam; Amerika takut kepada kebangkitan Islam; Israel takut kepada kebangkitan Islam. Oleh itu pemimpin negara Arab, Israel dan Amerika bersatu untuk menghadapi kebangkitan Islam. Inilah realiti dunia yang akan kita hadapi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita lihat, ada suara-suara di Malaysia ini yang mahu supaya nama parti Islam dihapuskan. Parti Islam SeMalaysia, umurnya sudah 43 tahun. Nama Parti Islam bukan boleh menjamin kemenangan. Kami biasa menang di Kelantan. Kami biasa tinggal dua kerusi di Kelantan atas nama parti yang sama. Kami biasa memerintah Terengganu, kami biasa dapat kosong kerusi di Terengganu pada tahun 1978. Parti Islam itulah juga namanya.

Soal nama bukanlah penting, tetapi yang penting dasar parti tersebut. Parti Islam cuba dihapuskan namanya di Turki sehingga di Turki begitu sekular — kalau kita berucap di Turki, hendak sebut ekonomi Islam pun tak boleh. Hendak sebut Bank Islam pun tak boleh. Bahkan di sana memulakan mesyuarat dengan membaca Al-Fatihah ditertawa-

kan. Begitulah sekularnya Turki dibuat oleh Kamal Ataturk, tetapi mampukah Kerajaan Turki menahan kebangkitan Islam di sana? Parti REFAH tidak bernama Islam — dipimpin oleh Najbuddin Akhbar Khan, tetapi sekarang menguasai bandar Istanbul dan bandar Ankara di mana mereka sekarang ini memulakan mesyuarat dengan membaca Al-Fatihah. Sebahagian penyokong Kamal Ataturk yang menang di peringkat bandaran — Majlis Bandaraya menyanyi lagu memuji Kamal Ataturk.

Ertinya, parti REFAH, namanya bukan Islam, tetapi menang dan diramalkan oleh banyak pihak, Turki

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa banyak mana lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kulim bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa banyak mana lagi, Tuan Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ada masa sedikit.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Hendak minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat telah pun menyatakan bahawa parti REFAH di Turki boleh mendapat kemenangan tanpa menggunakan perkataan Islam kepada parti

mereka. Kalau begitu, apa salahnya kalau di sini pun parti Ahli Yang Berhormat itu, gugurkan nama Islam supaya bertanding atas isu-isu politik, pembangunan dan sebagainya dan biarlah agama itu menjadi soal agama sahaja supaya tidak memecah-belahkan masyarakat Islam di kawasan-kawasan luar bandar, misalnya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Itulah tadi mukadimah ucapan saya hari ini, iaitu nama — walaupun namanya REFAH, tetapi orang tahu parti Islam dan REFAH dituduh parti memecah-belah di Turki. Sekarang ini REFAH telah menang di bandar-bandar besar dan pihak Amerika dan kuasa Barat meramalkan, "Barangkali kalau demokrasi diizinkan seterusnya, Turki juga akan menjadi Algeria, di mana rakyatnya akan kembali menolak sekular, menolak fahaman Kamal Ataturk dan kembali kepada hukum Islam.

Soalnya sekarang ini, kalau kita hapuskan nama Parti Islam SeMalaysia — boleh nama lain, tetapi apakah boleh kita sekat, misalnya ada berlaku pecah-belah kerana parti yang namanya lain itu tetap mendokong dasar Islam. Kalau musim dia tak menang, tak usah haraplah, dia tak menang! Kosong kerusi di Terengganu; dua kerusi di Kelantan . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sahabat saya dari Nilam Puri. Dia mengatakan nama tak penting; dasar itu yang penting.

Jadi, saya hendak tanya, adakah PAS akan mengubah dasarnya ataupun mengingatkan pemimpin-pemimpinnya supaya tidak membuat dan menggunakan Islam, Quran dan hadis sebagai satu senjata politik memecah-belahkan? Adakah saudara berani untuk menegur sekiranya wujud dan memang telah wujud — terbukti macam mana yang telah disampaikan dalam Dewan ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Memanglah kita tidak mahu kepada pecah-belah, tetapi kalau pecah-belah itu wajib untuk menegakkan kebenaran, perlu kepada pecah-belah. Misalnya, satu kumpulan mahu judi dihalalkan; satu kumpulan mahu judi diharamkan. Berlaku pecah-belah dan perpecahan kita tidak mahu. Kita tidak mahu sama sekali!

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi, begitu juga di Yaman, namanya Parti Islah, tetapi mencapai kemenangan yang besar, yang kedua terkuat sekarang di Yaman, di Algeria sendiri. Jadi, nama ini kalau hendak ditukar sekarang ini adalah terlalu lambat sebab zaman sekarang sudah zaman orang hendak kepada Islam, zaman kepada kebangkitan Islam, jadi kalau hendak tukar nama, lambat. Kalau hendak tukar, baik tukar pada zaman Kamal Ataturk dahulu. Maka ianya bolehlah mencapai kejayaan. Itu pun hanya beberapa tahun mereka bertahan dan sekarang parti Islam yang bernama REFAH sedang kembali dan akan mengambilalih kuasa di Turki, insya-Allah, dalam pilihan raya sekali atau dua kali lagi di negara Turki.

Tuan Yang di-Pertua, bagi di Malaysia pula kita semakin hari sebagai rakyat biasa semakin bimbang untuk hidup di negeri ini. Kedaulatan undang-undang semakin tercabar. Orang besar di zaman pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed melakukan

jenayah dilindungi oleh negara tetapi orang kecil melakukan jenayah tidak terlepas, didakwa di mahkamah dan merengkok ke dalam penjara.

Zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman, beberapa orang Menteri-menteri Besar terpaksa merengkok dalam penjara ataupun membayar denda. Di zaman Tun Hussein Onn, Datuk Harun Idris seorang pemimpin UMNO yang terkenal, Ketua Pemuda UMNO dan Menteri Besar didakwa di mahkamah kerana rasuah. Pemuda UMNO keluar ke Kuala Lumpur mengepung rumah Datuk Harun Idris dengan kepala mereka diikat kain merah. Mereka tidak mahu Datuk Harun Idris masuk penjara. Kuala Lumpur hampir menjadi darurat. Keadaan menjadi tegang. Waktu itu wartawan pergi jumpa Tun Hussein Onn. "Bagaimana keadaan sekarang? Pemuda UMNO tidak mahu melepaskan Datuk Harun Idris?" Tun Hussein Onn mengatakan, "Biar darurat seluruh Malaysia. Undang-undang negara tetap dipertahankan. Soal hendak ampunkan Datuk Harun Idris mengikut proses undang-undang, masuk penjara dulu kerana mahkamah telah memutuskan demikian."

Itu di zaman Perdana Menteri terdahulu. Pegawai Pencegah Rasuah amat ditakuti oleh Menteri dan Timbalan Menteri. Kalau Pegawai Pencegah Rasuah pergi melawat rumah Menteri, ada Menteri yang pengsan, ada yang kencing 15 kali — takut kepada Pegawai Pencegah Rasuah. Sebab siapa sahaja mereka dakwa, termasuklah Menteri Besar Terengganu, Menteri Besar Perak dan DO, ADO, polis, orang-orang biasa selalu ke mahkamah kerana didapati rasuah.

Sekarang pegawai BPR bertugas, tetapi bila mereka jumpa Menteri, pegawai BPR pula takut kepada Menteri

sekarang. Inilah keadaan sudah terbalik. Undang-undang sekarang ini semakin pincang. Orang besar dilindungi. Kita boleh lihat peristiwa D.P. Vijandran. Bukti telah diperolehi, polis bakar bukti. Ini pelik bin ajaib. Bila ditanya pihak polis, kenapa bakar bahan bukti? Ia diperintahkan oleh Peguam Negara. Bila ditanya Peguam Negara pula, dia enjit-enjit semut. Dia kata pula ini arahan Perdana Menteri. Penjenayah dilindungi.

Kemudian berlaku pula pembunuhan seorang gadis peniaga video — Mustakizah.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya tidak pernah dengar Peguam Negara menyatakan bahawa Perdana Menteri yang arahkan supaya video itu dibakar. Tidak pernah dengar. Inilah cara parti PAS berbohong kepada orang kampung. Dusta, bohong, lidah macam-macam cabang ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Cukuplah! Biarlah, saya bukan mahu kata balik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kes Mustakizah peniaga video yang dibunuh dengan secara zalim dan saksi yang melihat pembunuhan itu dibunuh pula secara zalim. Sampai sekarang siasatannya entah ke mana. Kerana apa? Kerana diberitahu ataupun difahamkan ada pemimpin UMNO terlibat dalam kes Mustakizah ini.

Yang paling nyata dan terbaru ialah kes Jeffrey Kitingan. Dia dituduh dengan

berbagai-bagai tuduhan yang amat jahat. Bukan kami yang menuduh. Kerajaan yang menuduh. Dia dituduh di antaranya melatih tentera di Filipina untuk mengeluarkan Sabah kepada Filipina. Dituduh menghasut belia-belia Sabah supaya benci kepada Semenanjung Malaysia. Dia ditahan dua tahun di bawah ISA tanpa kurang sedikit pun, kemudiannya dibebaskan dengan tahanan daerah di Seremban. Kemudian dihadapi pula dengan 17 tuduhan rasuah. Timbalan Perdana Menteri ketika berucap di Sabah mengatakan, "Jeffrey Kitingan melenyapkan wang Yayasan Sabah sebanyak RM3 ribu juta". 17 tuduhan rasuah, melenyapkan RM3 ribu juta, tuduhan daripada orang kanan kerajaan — Timbalan Perdana Menteri. Tiba-tiba bila Jeffrey Kitingan menyertai parti AKAR, meninggalkan PBS, menyokong Perdana Menteri, segala kes rasuah ditarik balik, tuduhan kepada beliau diampun, dilantik menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Macam mana kami hendak percaya lagi kepada undang-undang sekarang?

Sebab itulah, daripada awal bila timbul kes Ketua Menteri Melaka, kami telah berceramah di kampung-kampung, kami mengatakan Ketua Menteri Melaka tidak akan didakwa. Berdasarkan scenario tiga empat kes yang dulu, Ketua Menteri Melaka tidak akan didakwa. Ianya tepat. Akhirnya tidak didakwa. Pandangan lain yang diberi oleh Peguam Negara, kita memang bukan ahli undang-undang tetapi keadilan dapat dirasai. Keadilan dapat dilihat dan dapat dirasai. Sekarang keadilan sudah tidak dapat dirasai di Malaysia ini. Gadis 15 tahun dianiaya; walaupun dia mengaku dia berzina misalnya, tetapi dia bawah umur. Sudah tentulah budak mesti dilindungi dalam berbagai akta termasuklah hukum Islam sendiri kena melindungi kanak-kanak.

Tetapi kita lihat sekarang ini, budak itu tidak dilindungi, orang besar yang dilindungi. Inilah keadaan undang-undang negara Malaysia sekarang. Tambahan pula kita melihat semakin gerun bila kita mendapat tahu hakim-hakim pula terlibat dalam share scan di mana bila terlibat dalam skandal saham (share), mereka akan berdamping dengan jutawan-jutawan, dengan orang-orang kaya. Apakah suatu hari nanti hakim-hakim tidak boleh dibeli? Menghairankan kita juga bagaimana Tan Sri Vincent Tan boleh mendapat begitu cepat kesnya dibicarakan sedangkan kes-kes lain yang berat sama ada kes bunuh, kes dadah merbahaya, kes rogol, empat atau lima tahun belum dibicarakan. Tan Sri Vincent Tan dapat kesnya dibicarakan dengan begitu cepat. Keadaan-keadaan ini membingungkan kita melihat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: . . . kehakiman yang ada di negeri kita sekarang. Sampai satu ketika nanti, apakah bila orang besar melakukan jenayah, rakyat bertindak dengan tangan mereka sendiri seperti dalam filem *Walking Tall*, di mana bila seorang polis tidak yakin lagi dengan undang-undang, maka dia ambil kayu, dia pukul mana tempat yang dianggap boleh pukul. Rakyat Malaysia akan bertindak demikian bila ada Menteri merogol sesiapa pada masa akan datang atau melakukan jenayah. Mereka tidak percaya lagi kepada polis dan mahkamah, di waktu itu mereka akan bertindak mengikut kehendak mereka sendiri. Senario ini akan berlaku saya sebut seperti di Columbia dan Italy kalau sistem kehakiman kita tidak diperbetulkan kembali di mana sekarang ini kami merasa curiga terhadap kedaulatan undang-undang.

Walaupun misalnya undang-undang hudud, undang-undang syariah belum dilaksanakan paling kurang undang-undang yang ada ini perlu didaulatkan. Tetapi kita lihat sekarang ini undang-undang yang ada bocor, terutama di zaman kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Berjaya membawa kejayaan dalam ekonomi, ekonomi orang atasan tetapi kita lihat lemah dalam bidang undang-undang. Di sinilah asas untuk menentukan keamanan negara pada masa yang akan datang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

5.08 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit tetapi insya-Allah saya tidak akan menggunakan Dewan ini sebagai platform untuk menyebarkan fitnah dan perkataan-perkataan yang kurang menyenangkan.

Jadi, saya bangun di sini ialah untuk membaca sedikit rangkaian yang telah saya tulis malam tadi untuk membahaskan Belanjawan Persekutuan 1995 yang baharu sahaja pada 28hb Oktober, 1994 ini dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan Malaysia.

Bagi pihak rakyat Malaysia di kawasan saya (Batang Lupar), saya ingin menyampaikan salam terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan atas Belanjawan yang dirangka dan dibentangkan dengan begitu cukup baik dan tidak ada dapat dicelakan.

Tetapi sebagai keluarga petani dari kawasan saya, kami hanya boleh berharap agar penurunan cukai ke atas lebih daripada 3,000 barangan import dapat juga memberi nikmat kepada mereka di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh dalam masa yang singkat ini perihal dari satu kementerian ke satu kementerian yang lain. Ingin saya menyebut Kementerian Pertanian. Sebagai Wakil Rakyat luar bandar yang kebanyakan masyarakat di kawasan saya mengamalkan hidup secara tradisi di tempat mereka sebagaimana yang telah disebut oleh seorang penulis dalam surat khabar tiga hari yang lepas. Seorang penulis, mengikut katanya:

“Left to his own devices on their own natural preferences of majority of what they are, family-based, self-efficient, capital deficient, labour-based farmers with little economic prospect and associated generally with very low productivity, profitability and absolute poverty”, dengan izin. Mungkin ada benar kata penulis demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengikut kajian kertas yang saya terima pada tahun 1990 yang dibuat oleh Kerajaan Negeri menunjukkan pendapatan, keseluruhannya masyarakat di kawasan saya membuat pendapatan ialah RM244 seorang.

Begitu juga, nelayan menerima nasib yang sama. Sebahagian besar mereka ini adalah “seasonal fishermen”, dengan izin. Kerja mereka mengikut musim; teduh ke laut, musim landas ke darat. Landas kata orang Sarawak ialah musim tengkujuh, Tuan Yang di-Pertua. Kini lautan mula bergelora, Ujut Melaban, Ujut Meludam, Laut Semarang dan Batang Maro mula mencari mangsa. Tiap-tiap tahun, tak kurang daripada tiga atau empat orang mati di laut Batang

Lupar, kerana mencari nafkah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun ada sahaja scmahnya. Kata orang Sarawak, semah ialah habuan kepada hantu laut. Di laut, dijerat ombak, di sungai di baham buaya, Batang Lupar tempat bersemayam Bujang Senang, Tuan Yang di-Pertua. Tempat mengawan, tempat mengganas buaya gergasi tetapi di sini juga tempat terubuk mengawan. Ketam hijau membiak dan jellyfish bermain ombak.

Tuan Yang di-Pertua, tanah kami subur dan luas — ke darat lautan meng-hijau, ke laut saujana mata memandang. Batang Sadong, Batang Lupar dan Batang Saribas membelah desa negeri kami. Indah dipandang sebagaimana indah disebut tetapi potensi penuh belum lagi diterokai. Tanah lebar banyak terbiar, di daratan diselimuti air paya. Pesisir laut dilawati air masin. Sikap rakyat berubah, tetapi semangat gijih rakyat biasa juga mungkin pudar jika bertembung gejala alam nyata. Hutan lebat di daratan, gelombang bergelora di lautan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mencadangkan dan menggesa pihak kerajaan atas dua perkara. Perkara yang pertama, Projek Pertanian Bersepadu Kalaka-Saribas. Sckarang yang dilaksanakan di daratan, bawa-bawalah projek itu ke laut. Bawalah ke hilir agar kebun-kebun kelapa, kebun-kebun mango dan kebun-kebun rambutan di Batang Maro, Batang Semarang dan Kampung Sepinang bolch dinikmati hasilnya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Projek Pertanian Bersepadu, Bajong-Sebangan hendaklah dipercepatkan pelaksanaannya. Untuk memberi

peluang masyarakat nelayan di Kampung Sebuyau, Sebangon dan Bajong, menukar nasib pencarian mereka daripada mengadu nasib di laut ombak bergelora, boleh bercucuk tanam secara besar-besaran di daratan, mungkin menjamin hidup mereka di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya dalam masa singkat ini menyentuh Kementerian Kerja Raya. Sebagaimana selalu saya sebutkan, infrastruktur asas adalah nadi segala pembangunan fizikal, komersil dan sosial; tanpanya pembangunan akan menjadi angan-angan masyarakat di luar bandar. Begitu juga di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, apa-apa konsep pembangunan pun sama ada satu kampung, satu pengeluaran, industri kecil-kecilan di kampung, tani, nelayan dan sebagainya tidak akan menjadi viable, dengan izin, jikalau tidak ada infrastruktur ataupun jalan untuk menghubungi.

Anak-anak muda kami dari kampung-kampung di luar bandar akan berterusan berhijrah ke bandar, mengejar impian, yang bernasib gigih dan mungkin berjumpa dengan apa yang diangan-angankan. Yang lain mungkin akan terjerumus ke alam jenayah dan maksiat. Inikan pula usaha tradisi seperti bercucuk tanam dan menangkap ikan tidak lagi boleh mengisi cita rasa dan harapan belia di dekad ini, walaupun masyarakat di luar bandar. Industri pembalakan telah berkurangan. Industri hiliran kayu hanya diadakan di kelompok-kelompok di bandar. Jadi, masyarakat di luar bandar masih belum dapat menikmati industri-industri tersebut.

Kementerian Pertanian, KEMAS, Kementerian Belia dan Sukan cuba mengubah sikap anak-anak belia di luar bandar. Dengan latihan khas, kemahiran

dan peruntukan, kesan positif belum lagi dapat dinikmati dan dilihat kerana semua latihan dan alat yang diberi adalah berlandaskan kampung-based, low-capital, dengan izin, dan layak hanya dibuat di kampung masing-masing.

Dengan prasarana yang terhad di kampung dan kos pengangkutan ke bandar yang tinggi, semua latihan dan kos pengendalian kerajaan tercicir begitu sahaja. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu pasaran kepada penghasilan yang mereka buat. Dan kedua, tidak ada cara menghubungkan dan menghantar benda-benda yang mereka buat ke pasaran yang lebih besar iaitu di bandar. Dengan hal yang demikian, infrastruktur asas seperti jalan raya untuk menghubungkan satu kampung ke satu kampung yang lain, satu pekan ke satu pekan yang lain, pembinaan dan pelaksanaannya mestilah dipercepatkan.

Sealiran dengan itu, ingin saya bertanya perkara kecil, Tuan Yang di-Pertua, sama ada jalan Sebangon-Simunjan akan dibuat pada tahun 1995 ini? Jikalau tidak, bilakah projek jalan ini akan dilaksanakan? Dan kedua, adakah jalan Sebangon, Tebebu, Sebuyau akan diturapkan untuk diperbaiki permukaannya kerana pada masa sekarang, jalan itu menggunakan tanah liat dan pasir sahaja dan lambat-laun, Tuan Yang di-Pertua, jalan ini akan hilang ditelan rumput.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyalurkan menerusi Kementerian Pendidikan, peruntukan wang yang banyak. Kalau tidak salah saya, di antara RM60 ke-RM90 juta ringgit untuk memperbaiki sekolah-sekolah dan asrama guru di luar bandar. Tetapi malangnya, saluran yang telah

digunakan tidak mendatangkan kesan yang diharap-harapkan. Umpamanya, di kawasan saya mempunyai beberapa sekolah yang sepatutnya mendapat peruntukan-peruntukan yang besar telah diagihkan begitu rupa, telah mendapat RM20, RM30 dan RM40 ribu. Tetapi umpamanya sekolah di Batang Maro yang mana sekolahnya ada mempunyai 78 orang murid, pada masa sekarang kita mempunyai kelas yang panjangnya 40', lebar 20'. Di sanalah sekolah, di sanalah jugalah guru bertempat, di sana juga pejabat guru, tidak payah hendak tanya surau, tak payah hendak tanya di manakah resource centrenya, tetapi untuk kelas 1, 2, 3 dan 4 pun tidak mencukupi. Sekolah ini telah diagihkan dengan peruntukan sebanyak RM27,500, jadi untuk membina kelas-kelas baru memang tidak mencukupi.

Soal pengangkutan adalah juga satu masalah yang meninggikan lagi harga pembinaan sekolah tersebut. Ini sebagai satu misalan, kalau saya hendak sebut mungkin 20 minit tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, memadailah saya menyebutkan cara pengagihan yang telah dibuat adalah tidak mendatangkan kesan.

Ada juga sekolah di bandar yang didirikan dengan batu dan besi yang begitu indah dan molek, tetapi diberi geran beratus ribu, tak ubahlah apa yang dikata orang 'besar periuk besarlah keraknya'. Jadi, sekolah yang telah elok, cantik dan penuh dengan kemudahan diberi peruntukan yang besar. Sekolah yang buruk, yang reput, yang sudah jatuh ke laut, ke sungai dan ke tanah diberi peruntukan yang kecil. Pengagihan ini mestilah direalisasikan. Pengagihan ini mestilah realistik untuk memenuhi kehendak-kehendak yang tertentu.

Kementerian sendiri patut menubuh satu task force, membuat penyelidikan dan pergi ke luar bandar melihat sendiri tempat-tempat, asrama guru sama ada tempat guru itu layak untuk duduk bersama keluarga mereka, supaya guru itu selesa sedikit sebagai seorang pendidik kepada anak-anak muda di luar bandar ataupun adakah tujuan kita hendak menganiayakan masyarakat bumiputera di luar bandar? Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih kalau perkara ini berterusan. Walaupun saya berterima kasih, tetapi kita telah mencurah garam ke laut.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh soal Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Di sini saya ingin menyebut secara am iaitu kebaikan dan keselesaan alam sekitar adalah satu realiti.

Kita mesti peka dengan keadaan semasa. Kita mesti mengambil langkah-langkah yang baik untuk menyelamatkan alam sekitar pada masa sekarang. Kita mesti mempunyai satu strategi supaya alam sekitar di negara kita ini sentiasa terpelihara dan dalam keadaan yang baik. Bandar-bandar yang besar tidak menjadi tempat yang tercemar keadaannya. Walaupun demikian dalam rentak ini juga ingin saya bercakap, tak payahlah saya menjadi Yang Berhormat dari Bandar Kuching sampai pergi ke Australia mencemarkan nama negara ini, sebagaimana bandar-bandar besar telah tercemar oleh kereta. Tak payahlah masuk dalam T.V. untuk 'personal glory' dan 'political mileage' dia sendiri untuk mencemarkan nama negara ini.

Soal 'logging' dibangkitkan, soal alam sekitar dibangkitkan. Tetapi adalah mencukupi kita membuat satu strategi dan rancangan di negara ini, tidak

payahlah kita membangkitkan soalan ini di luar negara, di tempat orang lain, 'membuka pekung di dada'. Kita juga akan ditertawa oleh orang, Tuan Yang di-Pertua.

Memang sudah menjadi adat Yang Berhormat dari bandar Kuching umpamanya membangkitkan soalan Native Customary Land. Sebagai seorang bukan peguam sepatutnya Yang Berhormat jangan menyentuh soalan ini, kerana dia tidak tahu latar belakang dan undang-undang sebenarnya. Tetapi saya tahu Tuan Yang di-Pertua.

Pada tahun 1991 Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga menyentuh soalan NCR di Samarahan, ketika kita tahu ada Pilihanraya Negeri, tetapi malangnya DAP telah menghantar wakil di kawasan itu kalah teruk, lebih teruk dari independent yang terdahulu daripada itu, walaupun wakilnya sama orang independent pada tahun-tahun yang dahulu daripada itu.

Pada tahun 1994 ini dia membangkitkan soalan NCR, yang saya tahu ialah NCL (Native Customary Land). Perkara ini dibangkitkan juga di kawasan Samarahan kerana pilihan raya yang mungkin akan diadakan pada tahun ini atau tahun akan datang — kita tidak tahu. Tetapi memang sudah menjadi resam Yang Berhormat dari Bandar Kuching tiap-tiap kali pilihan raya ada soal NCR akan dibangkitkan untuk mencemarkan nama pemimpin-pemimpin di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak telah merancang dengan besar-besaran untuk membangunkan tanah adat di negeri Sarawak. Pada bulan lepas diadakan satu seminar yang mana rancangan kerajaan untuk membangunkan semua tanah adat seluas 1.5 milion

hektar di negeri Sarawak untuk dibangunkan. Dan dalam rancangan kerajaan sudah menunjukkan di mana letaknya tanah adat dan apa perancangan yang telah disediakan, tetapi ini tidak disebut oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Jadi, dengan keadaan yang demikian kalau tidak tahu soal tanah adat ini tolonglah jangan sebutkan, bahkan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya hanya 20 minit, saya boleh beri kuliah dengan mana-mana sahaja yang hendak tahu apa itu tanah adat dan peringkat evolusi Undang-undang Adat Negeri Sarawak semenjak 1841 sebelum Brooke menjadi raja di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan yang demikian, tipu helah soalan NCR yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu adalah dakyah politik semata-mata untuk memburukkan nama pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Mengenai soalan projek hidro Bakun pernah dibangkitkan di Dewan ini juga. Saya memang menyokong dari dahulu lagi. Semenjak beberapa tahun kita di Dewan ini, saya memang berucap dan sentiasa menyokong rancangan untuk membina hidro Bakun. Saya belum berubah, tetapi soal hidro Bakun di perkecil-kecilkan, soalan alam sekitar disebut, hal pembalakan disebutkan. Soalan yang remeh-temeh disebutkan, tetapi hasil daripada hidro Bakun tidak pernah dibangkitkan oleh mana-mana ahli Pembangkang semasa membahaskan soalan hidro Bakun.

Dengan keadaan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, membangkit soalan hidro Bakun ini, saya menyebut sedikit. Saya menyokong projek hidro Bakun supaya dilaksanakan sebagaimana yang telah dirancangan oleh pihak kerajaan. Saya

percaya pihak kerajaan akan membuat penyelidikan yang khusus, penyelidikan yang rapi agar semua penyelidikan-penyelidikan ada hubung kait dengan penyerahan projek-projek yang begitu besar akan dibuat dengan rapi dan baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung ya, ada satu minit.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa yang saya ingin sebutkan berkaitan dengan hidro Bakun ialah penglibatan bumiputera, supaya masyarakat bumiputera setempat jangan dilupakan semasa menyelenggarakan projek hidro Bakun. Agar masyarakat bumiputera setempat tidak kehilangan melihat projek hidro Bakun itu terbina bernilai multibilion akan siap, tetapi mereka masih menjadi orang yang tidak ada penglibatan dengan projek yang sedemikian besar.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bercakap panjang lagi, tetapi oleh kerana masa telah menetapkan, saya bukan pihak Pembangkang yang menengking dan membuat haru-biru di Dewan ini. Jadi dengan arahan ataupun pertunjukan daripada Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong dan mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Larut.

5.29 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong seratus peratus Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang kita kasihi.

Menurut sejarah Belanjawan Malaysia sejak merdeka ataupun lama inilah satu-satunya Belanjawan yang terbaik di dalam dunia, dibentangkan di Parlimen Malaysia . . . (*Disampuk*) Ada orang bunyi, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Di mana Menteri mengambil kira semua aspek rakyat, walaupun ada yang berkata ini Belanjawan Pilihan Raya. Tidak payah saya ulang lagi, apa sahaja yang dikatakan orang ramai seluruh negara dan dunia mengaku bahawa ianya tetap Belanjawan yang baik, sesuai dengan semua keadaan bagi tujuan menolong rakyat menikmati jasa-jasa mereka kepada kerajaan terutama rakyat miskin dan yang bukan korporat.

Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah kagum mendengar pembentangan Belanjawan itu, walaupun ada sekelompok ahli meninggalkan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Belanjawan ini kena pada tempatnya. Saya mengambil perhatian berat tentang peruntukan luar bandar, kalau tidak salah saya hampir RM20 bilion. Merenungi hakikat bahawa asas kukuh UMNO adalah asas kukuh Barisan Nasional, asas kukuh UMNO juga adalah asas kukuh yang timbul dari rakyat jelata di kampung-kampung, di kawasan-kawasan Parlimen ataupun DUN. Justeru itu, sebagai mewakili rakyat ramai yang mana memberi majoriti yang begitu 'comfortable', dengan izin, sudah sampailah masanya kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar membetul dan mengadakan banyak infrastruktur iaitu seperti jalan-jalan kampung yang 'laih' itu dan membelanjakan sebahagian besar daripada peruntukan untuk memasang 'culvert' ataupun ceruk jalan-jalan pergi kerja ke ladang-ladang, ke kebun-kebun dan ke sawah-sawah, guna bagi rakyat kampung merasai nikmat merdeka dan kemudahan infrastruktur itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan di sini bahawa sekolah-sekolah rendah dan menengah juga diperbanyakkan lagi termasuk hostel-hostel yang mempunyai kemudahan-kemudahan supaya murid-murid di kampung tidak payah pergi ke pekan-pekan besar untuk melanjutkan pelajaran kerana di pekan-pekan besar ada dadah, ada lepak, ada bohsia. Saya belum pun faham dengan bohsia, keluar pula perkataan 'bohjan'. Ada pula kumpulan tertentu yang akan mengajak mereka menjadi rasul dengan sifat yaqazah dan menemui 'Ashabulkahfi'. Ini perlu diadakan sekolah-sekolah yang sesuai di kampung-kampung supaya murid-murid itu dapat hampir dengan ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu selaras dengan apa yang disarankan oleh Menteri Kewangan, saya juga berharap MITI — berulang kali saya bercakap di Dewan Parlimen ini — supaya mengambil berat tentang usaha-usaha mereka untuk membawa industri-industri kecil ataupun industri besar ke kampung-kampung, kerana kita mengetahui bahawa Menteri berkenaan bekerja lebih kuat lagi daripada bekas Perdana Menteri England iaitu Margaret Thatcher.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kawasan-kawasan perindustrian di luar bandar lebih murah untuk diatur dan dijadikan kawasan-kawasan industri besar atau kecil kerana pada masa ini dari Larut sahaja kita dapati hampir 10,000 orang pergi bekerja ke Kulim, Sungai Petani, Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh, Kuala Lumpur, Singapore dan tempat-tempat jauh dengan meninggalkan rumahtangga, ibu bapa dan meninggalkan cawangan-cawangan UMNO kerana mencari nafkah. Kita memang mudah bercakap dalam

televisyen di luar negeri tetapi rakyat di kampung-kampung merasa kesal kerana tapak kilang yang lebih murah yang didapati di kampung-kampung tidak dipedulikan atau dibuat kajian.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri dengan kerajaan yang berkuasa boleh memberi syarat-syarat kepada pelabur-pelabur bahawa mereka tidak boleh melabur sekiranya mereka tidak pergi ke tempat-tempat ceruk yang jauh yang ditetapkan oleh Menteri seperti di tempat saya. Rakyat hanya mahukan kepada industri-industri ini berhampiran dengan mereka guna dapat mereka menolong keluarga dan mengusahakan tanah terbiar di samping bekerja dengan gaji yang tetap di kampung. Mereka tidak memohon untuk menjadi ahli korporat dan tidak pula yang memohon untuk mendapat syer yang besar-besar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini serius. Pengaruh UMNO akan ketandusan apabila ahli-ahli UMNO semua meninggalkan kampung untuk mencari nafkah di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa di pekan-pekan besar banyak perkara-perkara yang perlu kepada pengawasan pencemaran dan rumah-rumah sewa pun mahal. Dengan hakikat ini saya percaya sudah tentu pegawai-pegawai industri rela untuk tinggal di kampung-kampung sekiranya mereka mendapat pendapatan baik kerana kita lihat pada hari ini padang-padang golf juga boleh dibuat di kampung-kampung, jauh dari Kuala Lumpur dan orang masih boleh pergi main golf.

Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah tertarik dengan Belanjawan untuk pendidikan dan jawapan Menteri kepada soalan saya dalam Parlimen di penggal

ini, cuma yang menjadi masalah ialah pelaksanaannya sahaja. Susah Wakil Rakyat hendak menjawab soalan rakyat. Kalau dia tanya bila hendak buat, kita kata hendak buat dalam RM5. Bila RM5 habis, kita kata RM6. Habis RM6, sekarang kita mengecek mereka mengatakan RM7. Ini sudah tentu kurang memberi kepercayaan kepada mereka dan mereka rasa 'laih' dan tidak berdaya. Begitu juga jawapan-jawapan yang diberi oleh Menteri-menteri apabila melawat kawasan-kawasan atas tujuan-tujuan tertentu ataupun tujuan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Lebuhraya Utara/Selatan amatlah cantik. Semua tempat boleh sampai dalam masa yang singkat kalau polis tidak ronda. Jalan, elektrik, air semuanya ini hampir 90% ada di mana-mana sahaja termasuk kawasan Larut. Pengangkutan tidak lagi menimbulkan masalah. Barang-barang produk industri boleh dihantar ke Pulau Pinang, Ipoh atau Lumut. Kenapakah Lumut tidak dijadikan satu pelabuhan yang besar seperti Kuantan?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(Masuk ke Dewan)

Dato Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Nilam Puri, kacau!
(Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, pada saya pembangunan pesat bukannya bercerti semuanya di Lembah Kelang ataupun di Kuala Lumpur. Dalam usaha memberi peluang kepada rakyat, kita mesti mempunyai rangka pemikiran bahawa kerajaan tidak perlu memindahkan rakyat dari kampung pergi ke kota untuk mencari kerja. Kerajaan hendaklah berusaha memindahkan industri-industri itu ke kampung-kampung.

Tuan Yim Chee Chong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Seremban bangun minta jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Okay?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ya.

Tuan Yim Chee Chong: Thank you. Dengan izin, minta tolong beri penjelasan tentang maksud "Polis tak ronda".

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Itu maknanya, kalau Polis tidak tahan speeding, dari Kuala Lumpur ke Taiping dua jam boleh sampai. Jalan Kerajaan Barisan Nasional baik!

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengubah nasib kita kerana firman Tuhan dalam Al-Quran (*membaca petikan dari ayat Al-Quran*) yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu mengubah nasibnya". Jadi, kaum pada saya dalam Dewan pada hari ini adalah kaum yang memerintah dan berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kita kepada kempen mengindahkan sungai — "Cintailah Sungai". Ini memanglah menggunakan wang dan masa yang banyak. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan di bawah Kementerian Pertanian. Di mana-mana pun di dalam dunia hari ini orang memperkatakan alam sekitar termasuk sungai, hutan belantara dan berbagai lagi. Sungai dijadikan Allah untuk makhluk mencari nafkah kehidupan mereka ataupun dijadikan jalan pada masa-masa dahulu

dengan menggunakan bot ataupun sampan. Sungai juga digunakan untuk kita mengambil air dan bermacam-macam lagi nikmat daripada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, masa ini sungai sudah dicemar, kotor, bahkan tersekat-sekat alirannya oleh kerana perbuatan manusia. Ini bukan sahaja berlaku di Malaysia bahkan di England, Eropah dan negara-negara lain juga. Tetapi di England baru-baru ini mereka telah membuat undang-undang yang keras iaitu menjatuhkan hukuman denda yang keras atau penjara bagi sesiapa yang mengotorkan sungai, membuang sampah sarap dan bermacam-macam lagi sisa-sisa kilang atau apa-apa sisa perniagaan mereka. Setelah adanya undang-undang itu, kita lihat pada hari ini sungai-sungai di England dan di Eropah lebih bertambah baik, saluran airnya bertambah jernih bukan seperti masa yang lepas.

Seorang Ahli : Sila gulung!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Siapa suruh gulung? Pada saya, gotong-royong mengindahkan sungai itu hanyalah 'ceremonial' sahaja, dengan izin. Kesannya begitu sedikit, tidak efektif. Apakah salahnya Parlimen meluluskan undang-undang lebih ketat dari yang ada untuk menghukum, mendenda sama ada denda atau hukuman penjara kepada mereka yang mengotorkan sungai supaya alam sekitar kita kembali cantik seperti masa-masa dahulu.

Tabiat membuang sampah ke dalam sungai adalah tabiat tradisi. Upacara mengindahkan sungai hanya sekali sekala dibuat itu pun hanya di muka-muka sungai di tempat-tempat orang ramai boleh berhimpun. Bagaimana pula

dengan sungai yang mana sampah-sarap banyak tersangkut dan tiada siapa pula yang merasmikan pembuangan sampah-sarap dalam usaha membersihkan sungai.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian di sini pada hari ini, kalau kita perhatikan bahawa di dalam surat-surat khabar ataupun televisyen artis-artis lebih mendapat tempat sama ada di televisyen ataupun di surat-surat khabar. Ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin negara selain daripada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kurang mendapat tempat. Guru-guru agama, mubaligh- mubaligh, ustaz-ustaz yang masyhur tidak dapat tempat. Sekolah-sekolah agama, sekolah Arab, pengasas-pengasas, guru-guru lepasan Universiti Azhar, mereka yang masih ada ataupun yang mati tidak mendapat tempat dalam surat-surat khabar, radio dan televisyen.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Larut, Jelutong minta jalan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Susah mahu cari makan! (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Sahabat saya ada menyatakan tadi penyanyi ada dapat tempat, pelakon ada dapat tempat dalam surat khabar. Perdana Menteri pun ada dapat tempat, Timbalannya pun ada dapat tempat. Tetapi Menteri Pertahanan pun ada dapat tempat dalam surat khabar dengan penyanyi, pelakon — ada dituduh berkhawat dengan seorang, ada nama dalam surat khabar. Tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil oleh beliau. Menteri Pertahanan asasnya kerana pertahan sendiri dahulu daripada pertahan negara kita.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini satu prasangka buruk yang tidak berasas sama sekali. Saya mencabar Ahli Yang Berhormat itu mencari bukti kebenaran. Kalau tidak ada bukti kebenaran itu, saya minta dia tarik balik dan saya minta dia minta maaf kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong, sekejap. Perkara tuduhan ini merupakan tuduhan serius tentang

Tuan R. Karpal Singh: Ini serius, oleh kerana bagi kepentingan negara. Bolehkah seorang Menteri yang ada dituduh dalam surat khabar, dinamakan; tidak buat apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekejap.

Tuan R. Karpal Singh: Apa maknanya kepada negara kita? Mahu cabar di sini. Cabar!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: . . . siapa yang ada buat tuduhan kepada awak di luar daripada Dewan ini? Dalam *The New Straits Times* ada dinamakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong, diminta jangan berucap dahulu, saya belum habis, Yang Berhormat. Saya

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya akan beri Yang Berhormat peluang jawab.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sekejap, nanti dahulu Yang Berhormat. Satu tuduhan sangkaan jahat yang telah dilemparkan, mengikut Peraturan Mesyuarat, kena tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Tarikh balik apa? Apa yang dibukti

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya sebagai Pengerusi telah menilai perkara ini dan saya minta Yang Berhormat menarik kerana telah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh: Tarik balik apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sangkaan buruk terhadap Menteri.

Tuan R. Karpal Singh: Mana ada sangkaan buruk. Ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, biar pun perkara itu kita baca daripada akhbar, tetapi sangkaan itu

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam surat khabar. Dalam surat khabar, ini ada terus-terang . . .

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada tuduhan dalam surat khabar

Tuan R. Karpal Singh: ada dikatakan pada

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sudah dikatakan dakwaan yang tidak berasas.

Tuan R. Karpal Singh: Katakan mencukupi mengikut undang-undang dikatakan

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dengan dakwaan itu telah dinafikan oleh Pengerusi Majlis Agama Negeri Sembilan.

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan menafikan oleh awak

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan satu perkara yang boleh ditarik balik, oleh kerana ini mengikut apa yang ada timbul dalam ucapan oleh sahabat saya dari sana. Saya mahu mendapat penjelasan daripada dia, bukan dapat satu hukuman daripada Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin haji Mahiruddin): Yang Berhormat,

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan tujuan saya bangkit untuk mendapat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat — saya bukan selalu macam ini. Perkara ini telah berlaku — dahulu pun Yang Berhormat telah buat satu perkara saya tidak insist. Tetapi oleh kerana pihak yang berkenaan insist dalam perkara ini dan menyalahi Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat kena tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh seorang Menteri atau seorang ada insist, tidak ada insist. Apa yang perlu adakah apa yang dinyatakan oleh saya mengikut Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong, saya menegaskan bahawa perkara itu adalah perkara yang tidak digunakan dalam Parlimen. Yang Berhormat sebagai peguam harus tahu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tahu. Oleh kerana saya sebagai peguam, saya tahu apa ada dalam undang-undang ini dan juga undang-undang negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tak mahu, Yang Berhormat kena tarik balik perkataan itu balik.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh tarik balik, Tuan Speaker. Oleh kerana,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta tarik balik bahawa perkataan itu adalah

Tuan R. Karpal Singh: bagi kepentingan orang ramai. Bolehkah tarik balik satu perkara yang benar — saya bukan buat tuduhan ke atas dia, apa yang ada saya cakap pada hari ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat mengatakan

Tuan R. Karpal Singh: ada dikatakan dalam surat khabar, beliau ada terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Perkara ini tidak benar.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau ini tidak benar, kenapa sampai hari ini tidak buat satu kes atas NST atau

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Jelutong, saya tidak benarkan Yang Berhormat. Saya tidak dapat benarkan Yang Berhormat berhujah lagi. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau Yang Berhormat tak tarik balik, ertinya Yang Berhormat memaksa saya untuk menggunakan kuasa-kuasa yang ada pada saya.

Tuan R. Karpal Singh: Itu lain, jika mahu menggunakan kuasa. Tetapi tidak boleh tarik balik, kerana ini bertentangan dengan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya telah buat satu ruling

Tuan R. Karpal Singh: Boleh! boleh! boleh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat kena tarik balik perkataan itu. Jika Yang Berhormat tak mahu tarik balik, saya minta Yang Berhormat, di bawah peruntukan 44 (1) untuk meninggalkan Dewan pada hari ini kerana Yang Berhormat tidak patuh kepada arahan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh oleh kerana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya tertakluk kepada peraturan yang ada dalam buku Peraturan Mesyuarat. Bukan saya suka-suka buat, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat untuk tarik balik perkataan Yang Berhormat atau tinggalkan Dewan pada hari ini.

Tuan R. Karpal Singh: Itu perkara lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada perkara lain, Yang Berhormat. Ini bukan perkara yang

Tuan R. Karpal Singh: Saya amat pegang teguh kepada apa yang saya nyatakan tadi, oleh kerana tidak langgar undang-undang sama ada peraturan ini atau undang-undang lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat masih tegas dengan apa Yang Berhormat

katakan, Yang Berhormat kena tinggalkan Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya minta Yang Berhormat tinggalkan Dewan ini sekarang juga. Bentara diminta.

Tuan R. Karpal Singh: Tak payah Bentara, saya boleh jalan sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, minta keluar.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi, atas prinsip, bukan atas apa-apa lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita masing-masing ada prinsip. Saya kena jaga mesyuarat ini.

Tuan Yim Chee Cheong: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia meninggalkan Dewan. Saya minta Yang Berhormat,

Tuan R. Karpal Singh: Sebagai protes saya mengikut apa yang diarahkan. Tetapi atas prinsip saya pegang teguh kepada apa yang saya cakapkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Larut minta sambung.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Cepatlah keluar! Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ekonomi, kita lihat surat-surat khabar dan televisyen tidak banyak menyiarkan tentang ekonomi sama ada ekonomi itu ekonomi orang Cina ataupun ekonomi

orang Tionghua dan India. Tokoh-tokoh ekonomi tiada memenuhi mana-mana ruangan. Tanaman hasil tiada dapat ruang dalam mana-mana akhbar berpangajalah seperti artis-artis yang mana hari-hari ada disiarkan. Bahkan ruangan khas sampai di program TV pun ada muka artis, wajah gambar begitu besar sekali diagung-agungkan. Saya mahu bertanya kepada

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tasik Chenderoh bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Larut. Sebenarnya tadi Ahli Yang Berhormat dari Larut tersebut belum selesai tentang perkara yang dibangkitkan tentang surat khabar tadi. Jadi, saya masih tertanya-tanya minta penjelasan sedikit. Saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bangun kerana mungkinkah dia ini jarang keluar dalam surat khabar, jadi hari ini dia hendak publisiti besar-besaran, maka dia bangun dan membuat tuduhan-tuduhan yang melulu tidak berdasarkan kepada fakta yang benar. Dia baca surat khabar pun dia baca sehari tentang tuduhan dan dia tidak baca laporan-laporan seterusnya yang Jabatan Agama menafikan dan sebagainya.

Jadi, hari ini dia bangun, dia buat kecoh kerana dia mahu keluar dalam surat khabar untuk digunakan sebagai political mileage dalam menghadapi pilihan raya mungkin yang dia jangka sudah dekat. Adakah ini taktik Jelutong tersebut, dengan cara hendak keluar dalam surat khabar dengan menimbulkan

kekecohan dalam sidang kita pada hari ini? Dia tahu bila dia diarah keluar, dia akan keluar dalam surat khabar esok, sudah pasti.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Memang benar, ini taktik pembangkang dan mereka hidup kerana fitnah sahaja. Mereka tak akan menang kalau tak ada fitnah. Mungkin Nilam Puri kurang fitnah, tak tahulah.

Dr. Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Petaling Jaya bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tidak beri jalan. Nanti sekejap. Tuan Yang di-Pertua, tokoh-tokoh hasil tanaman umpamanya, tokoh-tokoh yang lain, tukang-tukang membuat kereta, basikal semua tidak ada di dalam surat-surat khabar. Hari ini bahkan ruangan khas sampai di program TV pun ada muka-muka artis, gambar begitu besar sekali diagung-agungkan. Saya mahu bertanya kepada Dewan ini dan kepada rakyat semua, apakah kita punya hala pemikiran ini kepada artis sahaja, entertainment, dengan izin, ke mana kita menuju? Kalaulah apa yang saya katakan itu diteruskan, saya percaya ianya akan menghayalkan semua golongan rakyat, muda atau tua, miskin atau kaya, corporate or non-corporate. Dalam usaha kita membangunkan negara bermaruah, saya mencadangkan supaya semua pihak, dari segi agama, ekonomi, kebudayaan, termasuk artis-artis juga mendapat tempat di akhbar-akhbar di peti televisyen dan radio-radio. Jangan menumpukan tenaga kita kepada alam

menghayalkan dan menycronokkan sehingga sesetengah artis pula sanggup menggadai diri dan maruah untuk mencari kekayaan bertentangan dengan syariah, bertentangan dengan moral dan budaya, adat istiadat Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, hal mengenai Islam, tulisan-tulisan mengenai Islam, walaupun ada, hanya seminggu sekali dan ianya tidak melibatkan semua ahli-ahli bijak pandai agama, bahkan beberapa orang sahaja penulis diterima. Kalau artis-artis, riwayat hidupnya, janda belum kahwin, bankrupt, di mana tinggal — semuanya ini banyak dan tidak mendatangkan faedah kepada wawasan bangsa untuk menuju kepada negara bermoral dan mendapat balasan untuk pergi ke syurga.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyeru masyarakat dan Dewan ini bahawa wawasan kita bukanlah wawasan hiburan semata-mata bahkan satu wawasan yang bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan tanahair. Justeru itu saya menyeru kepada semua pihak mengambil berat tentang perkembangan ekonomi, agama dan bukan sebagaimana tertera di akhbar-akhbar bahkan nampak jelas bahawa hiburan menjadi matlamat hidup dan ini tidak tally dengan ajaran-ajaran, pengaruh Islam dan adat resam yang diredhai oleh Allah S.W.T. Hidup kita perlu kepada persediaan ekonomi yang teguh. Perdana Menteri pun ada berkata demikian, tanpa ekonomi yang teguh seseorang itu akan melarat hidupnya, kalau semata-mata bergantung kepada hiburan. Hari ini dan masa-masa lepas kelihatan dengan mata kasar bahawa hiburan telah melanda masyarakat muda sehingga mereka tidak sedar lagi asas usul mereka, kerana kebanyakan mereka mengutamakan hiburan semata-mata, jika dibandingkan dengan rencana-rencana dan program-program ekonomi.

Saya mencadangkan supaya televisyen dan surat khabar-surat khabar menulis mengenai berita-berita bergambar berhubung dengan peladang berjaya, ahli ekonomi berjaya, ustaz-ustaz yang berjaya, guru-guru yang berjaya, mubaligh-mubaligh yang berjaya, sekolah-sekolah pondok yang berjaya dengan gambar berwarna-warni, istimewa sekali di ruangan ekonomi dan lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Apa salahnya menulis Ah Fong penanam sayur dan bunga berjaya di Cameron Highlands, Muthusamy — kedai gunting yang berjaya ataupun kedai menjual batik sari dan lain-lainnya — berjaya, atau penoreh getah yang berjaya, penoreh getah yang mithali, peraih kelapa yang mithali, tukang gunting yang mithali, begitu juga bagi bumiputera — tukang songkok yang berjaya, tukang buat labu yang berjaya, tukang membaiki motokar yang berjaya, tukang jahit, ahli korporat yang berjaya, yang tidak berjaya, koperasi yang berjaya dan bermacam-macam lagi, hendaklah dibanyakkkan di surat khabar-surat khabar, supaya ekonomi ini lebih radikal, sepertimana kita mengikuti perkembangan artis dan penyanyi sehingga mempengaruhi jiwa raga pemimpin dan lain-lain lagi yang melanggar undang-undang dan syariah.

Saya amatlah yakin bahawa apa yang dikatakan oleh saya tadi, akan memberi kesan kepada semua penduduk kerana tidak banyak Ahli-ahli Parlimen memikirkan aspek yang saya kata ini. Untuk menjadi penanam berjaya dan tukang jahit berjaya, ini adalah perlu kepada surat khabar-surat khabar dan majalah-majalah yang menunjukkan mereka, bukan semata-mata membuang masa yang

begitu luas dengan banyak menghayati artis, termasuk artis dari luar negeri seperti Michael Jackson, Maria Carey, Gloria Estaffan dan lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Dato' Mohamad Zihin bin Haji Mohd. Hassan: . . . yang mana tidak kena mengena dengan Wawasan 2020. Saya harap kita dapat memberi keutamaan di dalam surat khabar-surat khabar kepada hal-hal lain, termasuk jugalah hal-ehwal artis. Kita hidup di dunia ini bukan dengan hiburan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sekejap. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya banyak lagi yang hendak diperkatakan, mungkin di masa lain, maka saya menyokong pembentangan Belanjawan yang diberi oleh Dato' Seri Anwar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bandau.

5.55 ptg.

Tuan George Sangkin (Bandau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas Belanjawan yang begitu baik sekali dan merupakan Belanjawan yang begitu comprehensive, dengan izin, yang pernah diadakan sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Satu belanjawan yang begitu memberangsangkan, di mana setiap masyarakat atau rakyat menyambut baik.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1995 ini adalah benar-benar Belanjawan rakyat, di mana rakyat setiap lapisan akan dapat faedah yang begitu baik dan menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap surat khabar-surat khabar, selepas sahaja membentangkan belanjawan ini melaporkan reaksi-reaksi rakyat dari berbagai lapisan yang positif terhadap belanjawan tersebut, terutamanya dari segi penurunan kadar cukai individu, koperasi dan juga syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan cukai-cukai ini sudah tentulah akan dapat memberikan faedah yang besar kepada semua yang terlibat. Tatacara pengeluaran simpanan daripada KWSP, menghapuskan duti import kepada begitu banyak barang-barang yang essential, dengan izin; pemberian bonus satu bulan kepada kakitangan kerajaan, adalah merupakan satu nikmat yang sangat berfaedah kepada masyarakat umum, terutamanya, mereka yang berpendapatan rendah. Daripada pekerja di peringkat bawahan yang mempunyai pendapatan yang dahulunya boleh dikenakan cukai iaitu RM2,500 tidak lagi dikenakan cukai dan golongan ini melibatkan seramai lebih kurang 383,000 orang. Kalau kita naik ke tangga yang lebih tinggi, iaitu kumpulan korporat, kumpulan ini akan menikmati pengurangan perbelanjaan sejumlah lebih kurang RM463 milion daripada penurunan kadar cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merasa puas hati kerana kuasa membeli (purchasing power) kita adalah tinggi berbanding dengan rakyat-rakyat di negara lain dan ini bererti kita akan dapat menikmati nilai wang kita yang sebenarnya. Ini adalah petanda bahawa kerajaan dan rakyat bersama-sama dapat mengawal inflasi pada kadar yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan Belanjawan serupa ini telah dapat diadakan disebabkan kekukuhan ekonomi negara yang begitu stabil dan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.5% yang merupakan antara yang tertinggi di dunia selaras dengan pengurusan kerajaan yang cekap dan efisien. Negara juga telah mengalami pertumbuhan ekonomi di paras 8% setahun selama 7 tahun berturut-turut dan inilah sejarah yang terbaik sekali. Kita mahu pertumbuhan serupa ini akan dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan begitu prihatin dengan pembangunan luar bandar, terutama sekali mengimbangkan pembangunan wilayah dan desa dengan memperuntukkan 64% daripada belanjawan pembangunan iaitu RM9.2 bilion untuk tujuan ini. Peruntukan ini akan membiayai projek-projek pertanian, subsidi padi, kesihatan luar bandar, bekalan air dan juga bekalan elektrik. Tujuan utama usaha ini adalah untuk membasmi kemiskinan desa dan memperbaiki taraf kesejahteraan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, usaha serupa ini sangatlah bererti memandangkan sektor bandar merupakan satu sektor yang luas dan besar yang mempunyai bilangan penduduk yang besar dan menghadapi serba kekurangan dalam pelbagai bidang terutama sekali kemudahan-kemudahan pendidikan, kesihatan, bekalan elektrik, air dan jalan raya yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan matlamat dan Wawasan 2020, maka saya berpendapat kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dan, forward looking, dengan izin, untuk memajukan industri berteknologi tinggi dengan menubuhkan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia bagi tujuan memperdagangkan

penyelidikan dan teknologi dari universiti dan institusi penyelidikan serta menggalakan pertumbuhan perusahaan-perusahaan berasaskan teknologi. Dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana ianya akan terus memberikan penekanan kepada pembangunan industri berteknologi tinggi bagi meningkatkan kemampuan teknologi di negara ini. Ini akan membolehkan industri kekal bersaing selaras dengan perubahan persekitaran dunia serta mengikuti pembangunan pesat teknologi yang berlaku di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat bahawa sektor perkilangan dijangka akan terus menerajui pertumbuhan sektor-sektor lain pada tahun ini dengan menyumbang lebih kurang 48.5% kepada KDNK.

Sehubungan dengan ini, mungkin kerajaan dapat merancang serta memikirkan agar sektor ini akan dapat diperluaskan lagi di seluruh negara misalnya membuat lebih banyak galakan kepada pengilang-pengilang besar untuk membuka kilang di negeri-negeri yang masih kurang maju seperti Sabah dan Sarawak. Di samping itu pula, mengukuhkan pertumbuhan sektor perlombongan, pembinaan dan pertanian menurut keperluan negara kita yang nampaknya pada ketika ini, kesemua sektor ini terutama sekali pertanian dan perlombongan agak lembab. Kerajaan harus memikirkan bagaimana perkara ini dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara kita sudah mengakui dan sudah mengalami kekurangan tenaga buruh yang mahir dan tidak mahir dan ini akan menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi yang halus. Kerajaan harus bertindak dengan agresif untuk menangani masalah ini bagi mengukuhkan bekalan sumber manusia yang stabil di samping beralih kepada proses automation, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, adalah langkah bijak oleh kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta khususnya perkilangan untuk mengalihkan teknik pengeluaran yang mengutamakan penjimatan penggunaan tenaga buruh serta menempatkan kilang-kilang atau operasi mereka ke tempat-tempat yang kurang maju perindustriannya seperti di negeri Sabah. Sememangnya kita mengalu-alukan kilang-kilang serupa ini untuk beroperasi di negeri Sabah ataupun negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kerajaan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang ditindas oleh kemiskinan amatlah dihargai. Rancangan rumah kos rendah yang diadakan oleh kerajaan tentulah membawa faedah besar kepada kumpulan yang berpendapatan rendah terutamanya kumpulan sasar di kawasan bandar. Demikian juga usaha kerajaan terhadap penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan rancangan pembangunan rakyat termiskin termasuklah ASB, PPRT dan perumahan untuk rakyat termiskin.

Sehubungan dengan ini, saya merayu dan memohon kepada kerajaan supaya dapat memberikan perhatian yang lebih kepada negeri Sabah kerana memandangkan begitu ramai rakyat di negeri tersebut masih memerlukan bantuan terutama sekali bantuan perumahan untuk mereka yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakyat di kawasan saya sendiri iaitu Bandau berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah menyediakan peruntukan yang begitu besar kepada negeri Sabah selepas Barisan Nasional membentuk kerajaan negeri Sabah yang berjumlah RM500 juta bagi memenuhi sebahagian dari keperluan-keperluan negeri tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah membelanjakan lebih kurang RM200 juta untuk membaik pulih bekalan elektrik di beberapa daerah, contohnya di Tawau. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah menubuhkan sebuah universiti yang selama itu seringkali diutarakan di Dewan ini oleh kita sendiri daripada negeri Sabah dan kini sudah diwujudkan dan akan bermula operasinya pada tahun hadapan ini dan tapak kampus sendiri yang tetap, sudah pun ditetapkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perubahan-perubahan yang ketara ialah pembaikan pulih jalan raya terutama sekali di kawasan saya iaitu Kota Marudu dan Kudat, Tandek dan Kota Marudu. Kesemua ini adalah perubahan yang besar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya menafikan sekeras-kerasnya perkataan yang diutarakan oleh Ketua Pembangkang bahawa sejak Barisan Nasional memerintah negeri Sabah tidak ada perubahan yang berlaku. Saya sudah katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak yang sudah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, projek seperti yang saya katakan tadi hanyalah menjadi impian selama ini dan ketika ini telah menjadi reality atau sudah menjadi kenyataan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Timbalan Perdana Menteri Malaysia kerana begitu prihatin dengan masalah di negeri Sabah. Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, kesemua yang kita sebutkan tadi itu adalah kebaikan yang telah dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional ke negeri Sabah. Namun demikian, masih

banyak lagi yang kita akan lihat nanti, yang akan dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional ke negeri Sabah.

Selain dari itu juga, Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lalu pun Dewan ini meluluskan peruntukan perbekalan tambahan 1994 berjumlah RM212 juta untuk membiayai kos penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah, jalan-jalan raya, jambatan-jambatan di negeri Sabah dan sebahagian projek ini telah pun dijalankan. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja yang besar serupa ini memerlukan masa. Jadi, biarlah kita berikan masa yang banyak kepada Barisan Nasional yang cukup untuk merencanakan lagi kadar pembangunan sosio-ekonomi dan infrastruktur di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya iaitu Bandau, majoriti rakyat di situ merasakan sudah tiba masanya mereka menikmati pembangunan yang sebenarnya. Mereka mahu turut menyokong sekuat-kuatnya kepada Barisan Nasional kerana mereka mengatakan bahawa ini adalah masa bagi Barisan Nasional melaksanakan segala peruntukan yang kita laung-laungkan, yang kita pohonkan selama ini. Mereka tidak mahu ketinggalan dari segi pembangunan.

Mereka memuji tindakan pemimpin-pemimpin kita yang begitu berani untuk mengambil langkah untuk bersama-sama di dalam Barisan Nasional terutamanya pemimpin-pemimpin seperti Senator Datuk Dr. Jeffrey Kitingan, Yang Berhormat dari Penampang, semua rakan-rakan saya kalau saya boleh sebut satu persatu, daripada Kimanis, Tuaran, Kota Belud, Tanjung Aru, Sandakan yang baru-baru ini menyertai atau turut bersama-sama dalam Barisan Nasional.

Kesemua mereka ini menerima pujian dari rakyat terutama sekali rakyat masyarakat di negeri Sabah. Jadi, tindakan mereka ini adalah satu tindakan yang begitu bertanggungjawab kerana mereka mahu rakyat mereka menerima segala perkembangan-perkembangan yang dinikmati oleh rakyat keseluruhan di Malaysia ini kerana mereka mengatakan bahawa era ini adalah era pembangunan, era pelaksanaan projek-projek yang selama itu hanya menjadi impian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sepenuhnya Kerajaan Barisan Nasional tidak akan hanya menanam tebu di bibir mulut sahaja terhadap negeri Sabah kerana kalau kita betul-betul ikhlas di dalam menganalisa Belanjawan ini, kita akan dapati semua lapisan masyarakat, negeri, wilayah telah diberikan tumpuan sepenuhnya. Saya setuju kepada Yang Berhormat dari Keningau dan juga Presiden Parti Bersatu Sabah agar kerajaan memperbanyakkan lagi infrastruktur di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, fakta dapat perlihatkan kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional sememangnya ikhlas di dalam usahanya untuk memajukan negeri Sabah. Contohnya sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil satu agensi kerajaan iaitu Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) telah dan sedang melaksanakan begitu banyak projek-projek. Kalau saya dapat menyenaraikan satu persatunya lebih baik. Pertama, Hospital Sipitang — RM42.14 juta telah juga dilaksanakan walaupun kurang daripada apa yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Keningau namun bagi rakyat di kawasan Sipitang mereka merasa gembira dan puas hati terhadap perkembangan hospital di daerah tersebut.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saudara saya rakan Yang Berhormat dari Tawau juga mengetahui perkara ini bahawa pesakit luar Hospital Daerah Tawau juga telah diberi peruntukan sebanyak RM16.899 juta. Hospital di kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri saya ingat menerima peruntukan lebih kurang RM23.077 juta. Politeknik dan rumah kakitangan di Sandakan juga menerima lebih kurang RM14.600 juta. Kesemuanya ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan untuk rakyat di negeri Sabah. Perbelanjaan pembinaan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah pula begitu banyak sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Pakej-pakej telah disediakan untuk pembiayaan dan juga pembinaan sekolah-sekolah ini. Kalau saya boleh sebut satu-persatunya — pakej (a), daripada Tawau hingga ke Kudat, pedalaman pantai barat dan sebagainya. Kesemuanya menelan belanja yang begitu besar. Saya tidak dapat mengira satu persatu kerana kesuntukan masa.

Tetapi saya ingin menyentuh tentang pembaikan pulih jalan raya kerana ini adalah satu perubahan yang ketara kepada kita, rakyat di Sabah. Misalnya Jalan Bekapit-Tunku, 35 kilometer yang memakan belanja sebanyak RM48.50 juta. Tamparuli-Ranau, 72 kilometer — RM55 juta. Jalan Kota Marudu-Tandek, di kawasan saya sendiri, sudah begitu lama kita memohon, kini sudah dilaksanakan — RM5 juta. Daripada Jalan Langkun-Kudat, kawasan saya sendiri, juga menerima RM9.90 juta. Dan begitu baik sekali Kerajaan Barisan Nasional, begitu prihatin terhadap masalah kita di negeri Sabah. Walaupun sudah begitu banyak yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah, namun kita masih memerlukan banyak perkara-perkara yang lain.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan kepada pendidikan, terutama sekali sekolah-sekolah di kawasan saya, kerana begitu banyak lagi sekolah-sekolah yang masih kekurangan bangunan. Saya ingin menyentuh sedikit permintaan daripada Sekolah Kebangsaan Tandek dalam daerah Kota Marudu. Sekolah tersebut mempunyai satu bangunan yang agak tua dan memerlukan penggantian kerana pada masa ini sekolah tersebut tidak lagi selamat untuk digunakan kerana tanah runtuh akibat banjir.

Jadi saya memohon kepada Kementerian Pendidikan, khususnya kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah supaya mempercepatkan pembaikan ataupun pembinaan semula sekolah tersebut.

Selain daripada itu, ada dua tempat yang seringkali saya utarakan di Dewan ini untuk mendapat bangunan sekolah kebangsaan, atau sekolah rendah iaitu di Kampung Sungai Megandai dan juga Kampung Gana, kesemuanya di daerah Kota Marudu kerana kampung-kampung tersebut telah pun mengemukakan masalah ini sudah begitu lama dan mereka telah tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti untuk pembinaan sekolah tersebut. Saya berharap kementerian akan dapat memberi perhatian dan akan memberikan peruntukan yang cukup untuk pembangunan pembinaan sekolah di kedua-dua tempat yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kerajaan Pusat sekali lagi kerana telah memberi perhatian terhadap pembinaan jalan raya Tandek-Kota Marudu. Namun begitu, jalan raya tersebut tidak sampai ke pekan Tandek. Ianya memerlukan lebih kurang tiga atau empat batu lagi, barulah sampai ke pekan Tandek. Oleh hal yang demikian,

saya memohon kepada Kementerian Kerja Raya supaya dapat memberi peruntukan lagi dan menyiapkan pembinaan jalan raya tersebut hingga ke pekan Tandek kerana agak ganjil sedikit apabila jalan raya itu bertar hanya separuh jalan sahaja. Jadi, saya memohon agar Kementerian Kerja Raya dapat menambah peruntukan tersebut supaya jalan raya tersebut dapat disediakan hingga ke pekan Tandek.

Sehubungan dengan pembinaan jalan raya Tandek-Kota Marudu ini, saya memohon perhatian daripada Kementerian Kerja Raya kerana pembinaan jalan raya tersebut terlalu tinggi — tanah ditimbun terlalu tinggi dan akan mengakibatkan banjir yang teruk yang sering kali berlaku pada setiap tahun. Jadi, perkara ini memerlukan parit-parit dan saluran air yang besar dengan membina kalbat-kalbat yang besar.

Jadi, saya berharap pihak Jabatan Kerja Raya akan dapat mengambil perhatian terhadap perkara ini supaya mengelakkan masyarakat setempat yang tinggal di sepanjang jalan tersebut daripada masalah banjir yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bandau masih memerlukan bekalan elektrik. Sehubungan dengan perkara ini, saya meminta agar kerajaan dapat menyediakan peruntukan yang cukup untuk memasang atau menyambung elektrik ke seluruh kawasan Bandau ini, terutama sekali daerah Kota Marudu, terutama dalam kawasan ADUN yang dahulunya Langkun, sekarang sudah tidak ada dan juga Matunggung. Kebanyakan, lebih kurang 80% masyarakat di situ belum lagi menikmati bekalan elektrik. Jadi saya memohon kepada kementerian yang berkenaan supaya dapat menyediakan bekalan elektrik kepada tempat-tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara ini, saya telah juga menyampaikan cadangan kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar mengenai satu cadangan untuk membina dua mini-hidro-power, dengan izin, di dua tempat, iaitu di Kampung Marak-parak dan juga di Kampung Samparita — kedua-duanya di daerah Kota Marudu kerana tempat-tempat ini didapati begitu ramai penduduk luar bandar yang masih belum menikmati kemudahan seperti ini. Saya memohon agar satu kajian kemungkinan akan dapat dijalankan untuk projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional, terutamanya Menteri Kewangan kerana memungkinkan kewujudan Amanah Saham Sabah Berhad. Tuan Yang di-Pertua, rakyat negeri Sabah pada ketika ini berlumba-lumba untuk merebut peluang melabur dalam Amanah Saham tersebut. Kita berharap agar Amanah Saham ini akan dapat memberi faedah yang besar kepada rakyat negeri Sabah.

Sebelum berakhir, saya menyentuh sedikit mengenai bekalan air. Saya juga
.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa cukup. Sudah lebih.

Tuan George Sangkin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Bharu.

6.18 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak (Kota Bharu): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, apakah benar Belanjawan 1995 adalah Belanjawan untuk rakyat? Rakyat golongan mewah — mungkin, tetapi ia tidak begitu memihak kepada rakyat biasa. Lihat senarai 2600 perkara yang diturunkan cukai ataupun dihapuskan cukai. Tak sampai 25% pun yang melibatkan rakyat biasa.

Dari 2600, hanya 600 sahaja adalah untuk makanan. Jika kita teliti satu persatu 600 makan itu, sedikit sahaja makanan untuk orang biasa. Kebanyakan makanan yang terlibat adalah bagi rakyat golongan mewah khususnya mereka yang mengunjungi restoran. Para restoran mengalu-alukan pengurangan cukai atau penghapusan cukai kepada makanan-makanan, termasuklah makanan seperti keju, pastas, sirip yu atau sharks' fins, bacon — maaf saya tak tahu nama bacon dalam bahasa, udang galah, octopus dan lain-lain.

Bagi rakyat biasa, kehidupan tetap perit. Inflasi semakin menghimpit, harga makanan harian tetap tinggi. Ayam, ikan kembung, sayur-sayuran tempatan pun melambung tinggi, jika dibanding dengan harga tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya. Kadar inflasi bagi makanan harian orang biasa kadangkadang melebihi kadar 20%. Kadar inflasi negara yang dikatakan pada paras bawah 4% tak menghiburkan rakyat biasa kerana mereka melihat sebaliknya dalam kehidupan harian mereka. Saya berharap lebih banyak peruntukan diberikan kepada kementerian-kementerian berkaitan bagi membanteras penyelewengan yang menyebabkan kehidupan rakyat bawahan semakin perit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau dalam ucapan beliau baru-baru ini ada merujuk kepada soalan Jawab Mulut oleh saya mengenai sama ada Kerajaan Pusat berhasrat meng-

Islamkan industri perhotelan. Beliau meminta penjelasan mengenai hotel bercorak Islam. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk membimbing beliau.

Suka saya merujuk kepada dasar Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah Negeri Kelantan. Hotel adalah tempat musafir menginap dan kegiatan di hotel hendaklah tidak melanggar larangan Islam, tetapi sebaliknya membantu para musafir Islam untuk mengamal Islam dengan selesa. Oleh itu, unsur-unsur maksiat harus dikikis dari hotel-hotel yang bercorak Islam. Insya-Allah, di negeri Kelantan, dasar ini sedang dilaksanakan. Tumpuan diberikan kepada hotel-hotel milik badan kerajaan dan hotel-hotel swasta diberikan galakan untuk mematuhi dasar itu. Tiada lagi night club atau bar di hotel-hotel milik badan kerajaan. Hotel bercorak Islam akan menyediakan Al-Quran yang diterjemahkan dan juga setiap kali masuk waktu sembahyang, diadakan azan, di samping menyediakan arah kiblat. Itu biasalah.

Hotel-hotel bertaraf 5 bintang di Malaysia menyediakan minuman keras di bilik, ada bar dan menyediakan pelbagai kemudahan yang mendedahkan pekerja hotel dan pelanggan kepada maksiat.

Dalam laporan tentang bohsia, para pemandu teksi yang menceritakan ramai gadis bohsia menggunakan hotel-hotel untuk kegiatan mereka dan antara jam 4.00 hingga 5.00 pagi, gadis-gadis bohsia ini keluar dari hotel untuk pulang menggunakan teksi. Tuduhan Yang Berhormat dari Arau mengenai Hotel Murni merupakan fitnah. Mungkin Yang Berhormat keliru. Gambaran yang Yang Berhormat beri itu berlaku di zaman Kelantan berada di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat dari Arau juga mengungkit tentang karaoke.

Sebenarnya awal tahun ini telah pun dimaklumkan kepada rakyat dan para pengusaha karaoke, bahawa mulai 1995 lesen mereka tidak akan diperbaharui. Kerajaan Angkatan tidak berhajat menyusahkan rakyat atau menyekat hiburan yang sihat tetapi apabila hiburan seperti snooker, video-game dan karaoke disalahgunakan dan memudaratkan rakyat, maka hiburan-hiburan itu terpaksa dihentikan.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengajak Yang Berhormat dari Arau supaya insaf bahawa penghayatan beliau mengenai Islam tidaklah dalam. Mengapa hendak mengata orang? Sekurang-kurangnya saya cuba mendalami Islam. Saya sudah pun lulus dalam bidang Hukum Islam di Universiti Malaya dan Kajian Islam di Universiti Islam Antarabangsa. Bagaimana dengan beliau?

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Belanjawan, Menteri Kewangan telah menonjolkan penguasaan beliau terhadap bahasa Jawa. Eloklah tu. Bahasa Jawa pun bahasa Melayu. Tetapi lebih elok jika beliau menonjolkan bahasa Melayu Johor-Riau atau loghat-loghat dari negeri-negeri dalam Malaysia. Yang saya mcrasa anch ialah mengapa lampiran kepada Belanjawan itu adalah dalam bahasa Inggeris? Sila Ahli-ahli Yang Berhormat lihat sendiri senarai 2,600 perkara, bukankah dalam bahasa Inggeris? Bukan dalam bahasa Jawa. Jauh sekali bahasa Melayu Johor-Riau. Saya suka menyarankan supaya peruntukan secukupnya diberikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka serta badan-badan lain dengan tujuan mendaulatkan dan memperluaskan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya memohon jawapan Soalan Jawab Mulut mengenai Tanah Rizab Melayu.

Jawapan yang saya terima ialah, "Soalan ditolak". Kerana ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya pun faham, saya ini peguam selama 18 tahun. Saya tahu apa dia Senarai Negeri dan Senarai Persekutuan. Tetapi saya yakin Kerajaan Pusat ada maklumat mengenai tanah seluruh negara kerana Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah Negara digubal oleh Kerajaan Pusat. Maka tidak masuk akal jika Kerajaan Pusat tidak berminat ataupun tidak ada maklumat mengenai status Tanah Rizab Melayu bagi keseluruhan negara.

Pada tahun 1957 apakah keluasan Tanah Rizab Melayu dan kini apakah keluasannya? Apakah pihak Kerajaan Pusat tidak bercadang untuk mendorong Kerajaan-kerajaan Negeri menggantikan Tanah Rizab Melayu yang telah hilang statusnya kerana pembangunan? Apakah cadangan Kerajaan Pusat mengenai penggantian Tanah Rizab Melayu dalam kawasan Wilayah Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Institusi Raja-Raja Melayu. Tidakkah pihak kerajaan berhasrat mengukuhkan kewibawaan Institusi Raja-Raja Melayu? Ambil contoh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, apa pun teguran beliau terhadap Raja-Raja Melayu dibuat di belakang tabir, sewaktu mengadap. Tidak di khalayak ramai. Yang Amat Berhormat Tuan Guru Nik Aziz turut mengamal budaya Melayu itu. *Utusan Melayu* baru-baru ini menyiarkan berita palsu di muka depan kononnya ada krisis di antara istana dan Menteri Besar Negeri Kelantan.

Menteri Besar Negeri Kelantan telah menjawab dalam akhbar yang sama pada muka surat dua tetapi diletakkan di

ruang yang terbawah. Pada tarikh yang sama beliau telah menyatakan sebagai orang Melayu jati, beliau tidak akan mengur kesilapan Raja Melayu di khalayak ramai jika ada kesilapan. Beliau sentiasa mengadap Raja Kelantan dan apa-apa teguran yang wajib beliau buat selaku ulama dan Ketua Kerajaan, beliau akan buat dalam majlis itu. Eloklah pemimpin-pemimpin Pusat yang bukan Melayu jati belajar dari Melayu jati bagaimana hendak menjaga kewibawaan Institusi Raja-Raja Melayu yang menjadi tunggak ketuanan Melayu dalam politik tanah air.

Saya berharap pihak Raja-Raja Melayu jangan gopoh mengiakkan penubuhan mahkamah untuk Raja. Saya khuatir pindaan Perlembagaan berkaitan sebenarnya tidak sah. Kerajaan Pusat harus berlaku adil kepada orang Melayu dan Raja-Raja Melayu. Tubuhkan satu badan bebas bagi mengkajikan kesahihan setiap pindaan Perlembagaan yang menyentuh Raja-Raja. Raja-Raja Melayu adalah manusia dan mempunyai kelemahan tetapi perjanjian dengan Raja-Raja Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 harus dihormati. Persetujuan Raja-Raja Melayu harus diperolchi melalui Persidangan Raja-Raja Melayu yang sah di mana agenda persidangan mengandungi cadangan pindaan Perlembagaan yang menyentuh kedudukan, hak keistimewaan Raja-Raja. Jangan main bulldoze! Itu tidak cara Islam mahupun cara Melayu ataupun demoktrarik.

Akhir sekali, saya suka menyentuh kes Rahim Tamby Chik. Sebagai seorang wanita saya perlu menyentuhnya. Kes skandal yang melibatkan Tan Sri Rahim Tamby Chik (*Disampuk*) yang dituduh mempunyai hubungan sulit dengan seorang gadis berumur di bawah 15 tahun. Kes ini patut dibuka semula. Saya

bagi pihak kaum wanita keseluruhannya merasa jijik sekiranya Peguam Negara turut merestui penganiayaan terhadap wanita terutamanya mereka yang berada di bawah umur. Tindakan pihak berkuasa melindungi mereka yang bersalah dan menghukum orang yang menjadi mangsa, memperkukuhkan pandangan umum bahawa sistem bermasyarakat negara ini hanya untuk melindungi orang yang berkuasa semata-mata. Hanya dengan mengambil tindakan di atas iaitu membuka kes itu semula, imej mereka dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin menyentuh sedikit berkaitan dengan masalah "bohjan" yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Beliau telah menyatakan di dalam akhbar bahawa bukan sahaja bohsia yang menjadi masalah sosial tetapi bohjan menjadi masalah juga. Saya terperanjat apabila membacanya. Apa dia bohjan? Rupanya remaja lelaki yang mengadakan hubungan seks dengan lelaki.

Jadi, nampaknya bukan sahaja gadis remaja yang terlibat dalam skandal seks tetapi remaja lelaki yang dikenali dengan bohjan juga turut menjadi masalah sosial. Kesemuanya ini haruslah diambil berat oleh kita semua khususnya Ahli-ahli Parlimen kerana apa jua masalah

sosial menjadi kewajipan kita untuk sama-sama berikhtiar mambanteras-kannya. Bagi negeri Kelantan, alhamdulillah masalah-masalah sosial macam bohjan ini tidak adalah. (*Disampuk*) Bohsia pun tidak ada juga. Jadi, kami berharap Ahli-ahli Parlimen dari negeri-negeri lain silalah menjenguk ke Kelantan. Lihat bagaimana kami menguruskannya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa Yang Berhormat sudah cukup. Yang Berhormat hendak sambung esok? Masa hari ini sudah cukup. Yang Berhormat masih ada 5 minit. Yang Berhormat hendak sambung esok atau sudah habis berucap?

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Sudah habislah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis ya. Kita mula esoklah yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.